

KERTAS MODEL SPM

PRINSIP PERAKAUNAN

KERTAS MODEL SIJIL PELAJARAN MALAYSIA SET 1

Kertas 1

1 C

Perakaunan kos telah diperkenalkan pada abad ke-17 dan 18 di England bagi memenuhi proses pengeluaran firma yang berkembang pesat.
Pilihan lain tidak berkaitan.

2 D

Aset berbentuk fizikal adalah aset yang mempunyai bentuk fizikal dan boleh disentuh. Manakala, aset tidak berbentuk fizikal adalah aset yang tidak mempunyai bentuk fizikal dan tidak boleh disentuh.

Aset berbentuk fizikal seperti perabot,engkapan, premis dan jentera.

Aset tidak berbentuk fizikal seperti Akaun Belum Terima, faedah simpanan belum diterima dan simpanan tetap.

Manakala, pilihan jawapan faedah simpanan adalah klasifikasi Hasil. Tidak berkaitan dengan aset.

3 C

Memindahkan tunai di tangan RM1 000 ke dalam bank perniagaan.

<p>Tunai (RM1 000) Tunai di tangan atau di perniagaan telah dikeluarkan atau dipindahkan, kesannya jumlah tunai akan berkurang.</p>	<p>Bank RM1 000 Tunai dimasukkan ke dalam bank perniagaan, kesannya jumlah tunai di bank akan bertambah.</p>
---	--

4 A

Sistem Inventori Berkala ialah pengiraan inventori akan dijalankan secara manual iaitu menghitung inventori satu persatu. Sistem ini biasanya digunakan oleh perniagaan berskala kecil dan sederhana.

Pilihan lain mengamalkan sistem inventori berterusan.

5 B

Penyata akaun ialah penyata yang bertujuan memaklumkan peniaga tentang baki hutang yang masih belum diselesaikan yang dikeluarkan oleh pembekal kepada pelanggan serta terdapat syarat pembayaran yang dinyatakan secara jelas.

Pilihan lain tidak berkaitan.

6 C

19 Februari 2024.

Syarat diskaun tunai : 10% 5 hari, 7% 15 hari

$$\begin{aligned}\text{Diskaun Tunai} &= \text{Jumlah invoice} - \text{Jumlah pembayaran} \\ &= \text{RM2 000} - \text{RM1 860} \\ &= \text{RM140}\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}\text{Kadar diskaun tunai} &= \frac{\text{Diskaun tunai}}{\text{Jumlah invoice}} \\ &= \frac{\text{RM140}}{\text{RM2 000}} \\ &= 7\%\end{aligned}$$

Maka, 15 hari daripada tarikh invoice tersebut, 5 Februari 2024:

Hari	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15
Tarikh	5 Feb	6 Feb	7 Feb	8 Feb	9 Feb	10 Feb	11 Feb	12 Feb	13 Feb	14 Feb	15 Feb	16 Feb	17 Feb	18 Feb	19 Feb

7 A

Pernyataan urus niaga adalah catatan berkaitan urus niaga pembubaran perniagaan perkongsian. Oleh itu, urus niaga ini melibatkan Akaun Realisasi dan perlu direkodkan dalam Jurnal Am.

Pilihan lain tidak berkaitan.

8 B

Pernyataan urus niaga adalah jualan aset bukan semasa secara kredit kepada Kedai Tomyam Ella. Oleh itu, Kedai Tomyam Ella menjadi Akaun Belum Terima kepada Kedai Dobi Dayana. Berlaku penambahan pada aset semasa iaitu Akaun Belum Terima direkodkan di bahagian debit dan pengurangan aset bukan semasa iaitu perabot direkodkan di bahagian kredit.

Pilihan lain tidak berkaitan.

9 A

Pernyataan urus niaga adalah pada akhir bulan, jumlah yang telah dibelanjakan akan dibayar semula oleh ketua juruwang kepada juruwang runcit supaya jumlah baki panjar runcit pada bulan berikutnya cukup seperti jumlah yang telah ditetapkan oleh perniagaan. Oleh itu, penerimaan wang oleh juruwang runcit perlu direkodkan dalam Jurnal Am.

Pilihan lain tidak berkaitan.

10 D

Akaun Nyata iaitu Akaun yang merekodkan semua Akaun Aset, Akaun Liabiliti dan Akaun Modal.

Akaun Lekapan dan Lengkapan merupakan Akaun Aset.

Pilihan lain tidak berkaitan.

11 A

Catatan Kontra dilakukan dengan memindahkan akaun yang lebih kecil ke dalam akaun yang lebih besar jumlahnya. Jumlah lejar jualan lebih kecil iaitu RM305 dipindahkan lejar belian. Hutang Pembekal MNK Art kepada Jamaliah Bookstores telah dapat diselesaikan melalui Catatan Kontra.

Pilihan lain tidak berkaitan.

12 A

Pilihan B dan C iaitu Pengiklanan dan Diskaun diberi adalah Akaun Belanja manakala pilihan jawapan D Inventori Alat Tulis adalah Akaun Aset dan baki akhir akan direkodkan di bahagian debit Imbangan Duga.

13 B

Kesilapan komisen ialah merekodkan dalam akaun yang salah di bawah pengelasan akaun yang sama. Anas Gajet dan Anis Gajet merupakan Akaun Belum Bayar bagi Syarikat Hayati. Namun, kerani akaun telah tersalah rekod dalam akaun yang salah di bawah pengelasan akaun yang sama. Pilihan lain tidak berkaitan.

14 C

Diskaun diterima dan Hutang Lapuk ialah komponen Belanja bukan komponen Kos Jualan. Pilihan lain tidak berkaitan.

15 C

Pilihan A B dan D iaitu Sewa premis, susut nilai kenderaan dan rugi atas pelupusan kelengkapan diberi adalah Akaun Belanja dan dicatat di bahagian debit Akaun Untung Rugi.

16 A

Rumus Modal Kerja ialah Aset Semasa – Liabiliti Semasa.

$$\begin{aligned} \text{Aset Semasa} &= \text{RM3 000 (Simpanan Tetap)} + \text{RM7 000 (Bank)} + \text{RM5 000 (Akaun Belum Terima)} \\ &= \text{RM15 000} \end{aligned}$$

$$\text{Liabiliti Semasa} = \text{RM3 000 (Akaun Belum Bayar)}$$

$$\text{Modal Kerja} = \text{RM15 000} - \text{RM3 000} = \text{RM12 000}$$

17 C

Rumus peruntukan hutang ragu ialah $\% \times$ Akaun Belum Terima bersih.

$$\begin{aligned} \text{Akaun Belum Terima bersih} &= \text{RM15 550} - \text{RM550 (Hutang lapuk belum direkodkan)} \\ &= \text{RM15 000} \end{aligned}$$

$$\text{Peruntukan hutang ragu} = 5\% \times \text{RM15 000} = \text{RM750}$$

Amaun ini direkodkan di Penyata Kedudukan Kewangan. Manakala nilai yang dipindahkan ke Akaun Untung Rugi ialah:

$$\text{RM750} - \text{RM536} = \text{RM214}$$

iaitu Pertambahan Peruntukan Hutang Ragu (komponen Belanja).

Pilihan lain tidak berkaitan.

18 B

Rumus mengira untung atau rugi pelupusan ialah membandingkan Harga Jualan dengan Nilai Buku.

$$\begin{aligned} \text{Susut nilai rak pameran bagi tahun 31 Disember 2024} &= (\text{RM30 000} - \text{RM3 000}) \times 10\% \\ &= \text{RM2 700} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Susut nilai terkumpul rak pameran pada 31 Disember 2024} &= \text{RM3 000} + \text{RM2 700} \\ &= \text{RM5 700} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Nilai dalam buku rak pameran pada 31 Disember 2024} &= \text{RM30 000} - \text{RM5 700} \\ &= \text{RM24 300} \end{aligned}$$

Maka, harga jualan lebih rendah daripada nilai dalam buku. Kedai Bunga & Perkhidmatan Kejutan Suffian memperolehi Rugi atas pelupusan berjumlah RM7 300 (RM17 000 – RM24 300).

Pilihan lain tidak berkaitan.

19 A

$$\text{Sewa tahunan RM10 800} - \text{Sewa yang telah dibayar RM6 300} = \text{RM4 500}$$

Amaun RM4 500 merupakan sewa belum bayar.

Pilihan lain tidak berkaitan.

20 C

Jualan Bersih juga sama maksud dengan Perolehan.

Oleh itu, rumus untuk mengira Peratus Untung Kasar atas Jualan

$$= \frac{\text{Untung Kasar}}{\text{Perolehan}} \times 100\%$$

Pilihan lain tidak berkaitan.

21 C

Oleh itu, rumus untuk mengira Tempoh Pembayaran Hutang

$$= \frac{\text{Akaun belum bayar}}{\text{Belian kredit}} \times 365 \text{ hari}$$

$$= \frac{\text{RM7 000}}{\text{RM35 000}} \times 365 \text{ hari}$$

$$= 73 \text{ hari}$$

Pilihan lain tidak berkaitan.

22 A

Perniagaan yang mempunyai rekod yang tidak lengkap akan hanya merekod urus niaga dalam Buku Tunai atau maklumat penerimaan dan pembayaran.

Pilihan lain tidak berkaitan.

23 B

Perniagaan yang mempunyai rekod yang tidak lengkap akan mengalami kesukaran dalam mencari kesilapan dan mudah sahaja penyelewengan berlaku.

Pilihan lain tidak berkaitan.

24 A

Perniagaan yang mempunyai rekod yang tidak lengkap ini perlu menggunakan kaedah analisis untuk mengira jumlah belian.

Rumus Jumlah Belian = Belian Tunai + Belian Kredit.

Untuk mendapatkan Belian Kredit adalah dengan menyediakan Akaun Kawalan Belum Bayar.

Akaun Kawalan Belum Bayar

	RM		RM
Pulangan belian	803	Baki b/b	4 533
Bank	6 541	Belian	6 447
Diskaun diterima	693		
Baki h/b	2 943		
	10 980		10 980

Jumlah Belian

= Belian Tunai + Belian Kredit

= RM1 212 + RM6 447

= RM7 659

Pilihan lain tidak berkaitan.

25 D

Butiran yang telah direkodkan dalam Penyata Bank tetapi belum direkodkan dalam Buku Tunai ialah pembayaran oleh bank dan penerimaan oleh bank seperti Pindahan kredit.

Pilihan lain tidak berkaitan.

26 C

Penyata Penyesuaian Bank (mula dengan baki penyata bank)

RM 18 800 (Baki kredit di penyata bank) + RM4 300 (Deposit belum dikreditkan) – RM 670 (Dividen atas pelaburan)
= RM22 430 (Baki debit di buku tunai)

Pilihan lain tidak berkaitan.

27 B

Kadar belian tunai ialah 60%.

Anggaran belian tunai pada Mei 2024 = RM60 000 × 60%
= RM36 000

Pilihan lain tidak berkaitan.

28 A

Faedah atas pinjaman untuk sepanjang tempoh = RM40 000 × 5%
= RM8 000

Jumlah pembayaran pinjaman = RM40 000 + RM8 000
= RM48 000

Ansuran pinjaman = RM48 000 bahagi 48 bulan
= RM1 000 setiap bulan

Pilihan lain tidak berkaitan.

29 B

Rumus mengira faedah atas pinjaman = Nilai pinjaman × % × tempoh

Faedah atas pinjaman pekongsi = RM30 000 × 8% × $\frac{8}{12}$ = RM1 600

Pilihan lain tidak berkaitan.

30 A

Pilihan III iaitu Perniagaan yang dijalankan oleh pekongsi mengalami kerugian. Ini tidak akan berlaku pembubaran perkongsian. Hanya kerugian dibahagikan mengikut Ikatan Perkongsian. Pilihan IV iaitu seorang pekongsi dihadapkan ke mahkamah kerana rasuah. Ini tidak akan berlaku pembubaran perkongsian. Hanya pekongsi yang terlibat dibicarakan. Perniagaan perkongsian masih boleh diteruskan. Melainkan, perkongsian mendapat perintah mahkamah untuk pembubaran.

31 D

Sekiranya syarikat memilih untuk tidak mewujudkan Perlembagaan Syarikat, sebarang perselisihan perlu diselesaikan dengan merujuk kepada Akta Syarikat 2016.

Pilihan lain tidak berkaitan.

32 A

Rumus Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh = bilangan unit syer × harga sesyer

Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh 5% Syer Keutamaan

= 200 000 unit × RM2.00

= RM400 000

Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh Syer Biasa

= 1 500 000 unit × RM1.00

= RM1 500 000

Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh bagi Syer Keutamaan dan Syer Biasa

= RM400 000 + RM1 500 000

= RM1 900 000

Pilihan lain tidak berkaitan.

33 C

Rumus Dividen Syer Keutamaan

$$= (\text{bilangan unit syer} \times \text{harga sesyer}) \times \% \times \text{tempoh Dividen } 8\% \text{ Syer Keutamaan}$$
$$= 500\,000 \text{ unit} \times \text{RM}2.00 \times 8\% \times \frac{12}{12} = \text{RM}80\,000$$

Pilihan lain tidak berkaitan.

34 B

Perbelanjaan hasil merupakan perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran sesebuah kelab dan persatuan. Honorarium ialah pembayaran kepada pengerusi atau jawatankuasa kelab dan persatuan atas jasa dan sumbangan yang diberikan.

Pilihan lain tidak berkaitan.

35 A

Yuran lapuk ialah yuran belum terima pada tahun kewangan yang lepas dihapuskan dalam tahun perakaunan semasa kerana tidak dapat dikutip daripada ahli.

Pilihan lain tidak berkaitan.

36 C

Yuran ahli yang diterima pada 2024

$$= \text{Yuran Tahunan} + \text{Yuran Belum Terperoleh Akhir} + \text{Yuran Belum Terima Awal} -$$
$$\text{Yuran Belum Terperoleh Awal} - \text{Yuran Belum Terima Akhir}$$
$$= (150 \text{ ahli} \times \text{RM}200) + 100 - 720 - 240$$
$$= \text{RM}29\,140$$

Pilihan lain tidak berkaitan.

37 D

Akaun Perdagangan disediakan untuk menghitung untung atau rugi daripada aktiviti perniagaan bagi kelab dan persatuan yang menjalankan aktiviti perniagaan.

Pilihan lain tidak berkaitan.

38 A

Belanja Langsung ialah belanja yang turut berubah apabila berlaku perubahan dalam unit pengeluaran. Antara contoh belanja langsung ialah bayaran royalti, cap dagangan (paten) dan reka bentuk produk.

Pilihan lain tidak berkaitan.

39 A

Jumlah Kos Buruh Langsung

$$= \text{RM}10\,000 \text{ (Gaji operator kilang)} + \text{RM}2\,000 \text{ (Gaji operator kilang belum bayar)} + [5\% \times \text{RM}20\,000]$$
$$\text{(Gaji operator salah rekod dalam Gaji Penyelia Teknikal Kilang)}$$
$$= \text{RM}13\,000$$

Pilihan lain tidak berkaitan.

40 D

Margin Caruman juga dikenali sebagai Margin Sumbangan.

Margin Caruman Seunit keluaran boleh dihitung dengan menggunakan rumus

$$= \text{Harga Jualan Seunit} - \text{Kos Berubah Seunit}$$

Pilihan lain tidak berkaitan.

Kertas 2**Bahagian A****Soalan 1**

(a) – Entiti berasingan
– Ketekalan [2 markah]

(b) (i) Nota debit
(ii) Pembekal Faris [2 markah]

(c) Diskaun niaga
= RM5 800 × 10%
= RM580

Diskaun tunai pada 8 Januari 2024 (5%, 10 hari)
= (RM5 800 – RM580) × 5%
= RM261 [2 markah]

(d) (i) Faedah tidak dibayar atas modal pekongsi
(ii) Kandungan Seksyen 26 Akta Perkongsian 1961
a. Untung atau rugi dibahagi secara sama rata antara pekongsi
b. Faedah 8% setahun dibayar atas pinjaman pekongsi
c. Faedah tidak dibayar atas modal pekongsi
d. Pekongsi yang menguruskan perkongsian tidak dibayar gaji
e. Setiap pekongsi berhak menguruskan perniagaan
f. Buku akaun perkongsian disimpan di premis perniagaan
(Terima mana-mana satu) [2 markah]

(e) Kos Utama = Kos Prima
Kos prima = Kos bahan langsung + kos buruh langsung + belanja langsung
= RM85 000 + RM45 000 + RM15 000
= RM145 000 [2 markah]

Soalan 2

(a)

Perkongsian AD
Penyata Pelarasan Untung Bersih bagi tahun berakhir 31 Mac 2024

	RM	RM
Untung bersih		1 150
<i>Tambah:</i>		
Hutang lapuk terpulih	1 500	
Dividen belum terima	800	
Insurans prabayar (1)	600	
		2 900
		4 050
<i>Tolak:</i>		
Faedah atas pinjaman belum bayar		(300)
Untung bersih terselaras		3 750

Nota	
(1)	Insurans prabayar = $RM1200 \times \frac{6}{12} = RM600$

[5 markah]

(b)

Perkongsian AD
Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2024

	RM	RM
Untung bersih terselaras		3 750
<i>Tambah:</i>		
Faedah atas ambilan (1)		200
		3 950
<i>Tolak:</i>		
Faedah atas modal (2)	5 000	
Gaji pekongsi	3 000	
		8 000
<i>Tambah:</i>		(4 050)
Akaun Semasa Azizi ($4\ 050 \times 1/2$)	2 025	
Akaun Semasa Dainil ($4\ 050 \times 1/2$)	2 025	
		4 050
		0

Nota	
(1)	Faedah atas ambilan = $RM3\ 000 \times 8\% \times \frac{10}{12} = RM200$
(2)	Faedah atas modal = $\left(RM60\ 000 \times 5\% \times \frac{12}{12}\right) + \left(RM40\ 000 \times 5\% \times \frac{12}{12}\right)$ = $RM3\ 000 + RM2\ 000$ = $RM5\ 000$

[6 markah]

(c)

Akaun Semasa Pekongsi

Tarikh	Butir	Azizi	Dainil	Tarikh	Butir	Azizi	Dainil
2024		RM	RM	2023		RM	RM
Mac 31	Ambilan		3 000	Apr 1	Baki b/b	4 500	1 250
	Faedah atas ambilan		200	2024 Mac 31	Faedah atas modal	3 000	2 000
	Pengasingan untung rugi	2 025	2 025		Faedah atas pinjaman	300	
	Baki h/b	5 775			Gaji belum bayar		450
					Baki h/b		1 525
		7 800	5 225			7 800	5 225
Apr 1	Baki b/b		1 525	Apr 1	Baki b/b	5 775	

[6 markah]

(d)

Perkongsian AD
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2024

	Kos	Susut Nilai Terkumpul	Nilai Buku
<u>Aset Bukan Semasa</u>	RM	RM	RM
Kenderaan	75 000	(11 700)	63 300
Kelengkapan kedai	29 000	(4 300)	24 700
			88 000
<u>Aset Semasa</u>			
Bank (1)		18 850	
Tunai		850	
Inventori		4 050	
Akaun Belum Terima		3 850	
Insurans prabayar		600	
Dividen belum terima		800	
		29 000	
<u>Tolak : Liabiliti Semasa</u>			
Akaun Belum Bayar		(2 750)	
Modal kerja			26 250
Nilai aset bersih			114 250
<u>Ekuiti Pemilik</u>			
Akaun Modal Azizi		60 000	
Akaun Modal Dainil		40 000	
			100 000
Akaun Semasa Azizi		5 775	
Akaun Semasa Dainil		(1 525)	
			4 250
			104 250
<u>Liabiliti Bukan Semasa</u>			
Pinjaman Azizi			10 000
			114 250

Nota	
(1)	Bank = RM17 350 + RM1 500 (Hutang lapuk terpulih) = RM18 850

[8 markah]

Soalan 3

(a)

Kecantikan Ekasari
Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 30 Jun 2024

Butiran	April	Mei	Jun
	RM	RM	RM
Baki awal (1)	13 000	31 700	129 200
<u>Penerimaan</u>			
Hasil perkhidmatan	20 000	22 000	24 200
Jualan produk	8 000	8 800	9 680
Pinjaman	–	75 000	–
Jumlah penerimaan	28 000	105 800	33 880
<u>Pembayaran</u>			
Gaji	4 500	4 500	4 500
Akaun Belum Bayar	–	–	15 000
Alatan kedai	2 000	1 000	1 000
Sewa salon	2 000	2 000	2 000
Utiliti	600	600	600
Pengiklanan	200	200	200
Ansuran pinjaman (2)	–	–	1 625
Jumlah pembayaran	9 300	8 300	24 925
Lebihan	18 700	97 500	8 955
Baki akhir	31 700	129 200	138 155

Nota	
(1)	Baki awal = RM12 500 + RM500 = RM13 000
(2)	Ansurans pinjaman $= \frac{[RM75\,000 + (RM75\,000 \times 6\% \times 5 \text{ tahun})]}{60 \text{ bulan}}$ = RM 1 625

[21 markah]

(b)

	Sebenar (RM)	Jangkaan (RM)	Prestasi Perniagaan
Jumlah penerimaan	150 000	167 680	Tidak memuaskan/ Tidak Baik
Jumlah pembayaran	30 000	42 525	Memuaskan/ Baik

[4 markah]

Bahagian B**Soalan 4**

(a)

Akaun Kawalan Belum Bayar

Tarikh	Butir	Amaun	Tarikh	Butir	Amaun
2024		RM	2023		RM
Julai 31	Pulangan belian	960	Ogos 1	Baki b/b	6 800
	Bank	10 200	2024		
	Baki h/b (5990 – 960)	5 030	Julai 31	Belian	9 390
		16 190			16 190
			Ogos 1	Baki b/b	5 030

[3 markah]

(b)

**Kedai ABC dan Cendol Nilamsari Cheng
Penyata Mengira Modal pada 1 Ogos 2023**

	RM	RM
Aset:		
Peralatan (18 000 – 1 800)	16 200	
Kelengkapan kedai	9 500	
Bank	11 600	
Inventori	13 450	
Sewa kedai prabayar	280	
		51 030
Tolak: Liabiliti		
Upah pekerja belum bayar	510	
Akaun Belum Bayar	6 800	
		(7 310)
Modal pada 1 Ogos 2023		43 720

[4 markah]

(c)

Kedai ABC dan Cendol Nilamsari Cheng
Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Julai 2024

	RM	RM	RM
Jualan			38 690
(-) Pulangan jualan			—
Jualan Bersih			38 690
(-) Kos Jualan			
Inventori awal		13 450	
Belian (2 810 + 9 390)	12 200		
(-) Pulangan belian	(960)		
Belian bersih		11 240	
Kos barang untuk dijual		24 690	
(-) Inventori akhir		(12 670)	
Kos Jualan			(12 020)
Untung kasar			26 670
(+) Hasil			
Komisien			940
			27 610
(-) Belanja			
Susut nilai kelengkapan (9 500 + 1 650 – 8 200)		2 950	
Sewa kedai (1 000 + 280)		1 280	
Upah pekerja (1 300 – 510 + 680)		1 470	
Angkutan keluar		230	
Insurans kebakaran (1 200 – 300)		900	
Susut nilai peralatan (18 000 – 1 800) × 10%		1 620	
			(8 450)
Untung bersih			19 160

[13 markah]


Soalan 5

(a) (i)

Pengeluaran (unit)	Kos Tetap RM	Kos Berubah RM	Jumlah Kos RM	Jumlah Hasil (RM)
0	8 000	0	8 000	0
1 000	8 000	6 000	14 000	10 000
2 000	8 000	12 000	20 000	20 000
3 000	8 000	18 000	26 000	30 000

[4 markah]

(a) (ii)



[6 markah]

(b) (1)

Akaun Kenderaan

Tarikh	Butir	Amaun	Tarikh	Butir	Amaun
2023		RM	2024		RM
Sep 1	Baki b/b	70 000	Ogos 31	Pelupusan kenderaan	70 000
	Syarikat Automobil Aberra	45 000		Baki h/b	45 000
		115 000			115 000
2024					
Sep 1	Baki b/b	45 000			

[3 markah]

(b) (2)

Akaun Susut Nilai Terkumpul Kenderaan

Tarikh	Butir	Amaun	Tarikh	Butir	Amaun
2024		RM	2023		RM
Ogos 31	Pelupusan kenderaan (2)	31 000	Sep 1	Baki b/b	24 000
	Baki h/b	4 500		Susut nilai kenderaan (1)	11 500
		35 500			35 500
			2024		
			Sep 1	Baki b/b	4 500

Nota	
(1)	Susut nilai kenderaan = $(RM70\,000 \times 10\%) + (RM45\,000 \times 10\%) = RM11\,500$
(2)	Pelupusan kenderaan (Susut nilai yang dilupuskan) = $RM24\,000 + RM7\,000 = RM31\,000$

[3 markah]

(b) (3)

Akaun Pelupusan Kenderaan

Tarikh	Butir	Amaun	Tarikh	Butir	Amaun
2024		RM	2023		RM
Ogos 31	Kenderaan	70 000	Ogos 31	Susut nilai terkumpul Kenderaan	31 000
	Untung pelupusan kenderaan	3 000		Bank (1)	4 200
				Ali Mubeen (1)	37 800
		73 000			73 000

Nota	
(1)	Harga jualan kenderaan = Nilai buku + Untung pelupusan kenderaan = $RM70\,000 - RM31\,000 + RM3\,000 = RM42\,000$ (Bank 10% = RM4 200 & Ali Mudeen 90% = RM37 800)

[4 markah]

Soalan 6

(a) (i) **Lejar Am**

Akaun Belian

Tarikh	Butir	Amaun	Tarikh	Butir	Amaun
2024		RM			RM
Okt 6	Tunai	1 600			

Akaun Jualan

Tarikh	Butir	Amaun	Tarikh	Butir	Amaun
2024		RM			RM
Okt 8	Tunai	1 900			

Akaun Kadar bayaran

Tarikh	Butir	Amaun	Tarikh	Butir	Amaun
2024		RM			RM
Okt 10	Tunai	500			

Akaun Komisen

Tarikh	Butir	Amaun	Tarikh	Butir	Amaun
		RM	2024		RM
			Okt 27	Tunai	800

Akaun Diskaun diberi

Tarikh	Butir	Amaun	Tarikh	Butir	Amaun
2024		RM			RM
Okt 29	Letchumy	300			

Akaun Sewa Premis

Tarikh	Butir	Amaun	Tarikh	Butir	Amaun
2024		RM			RM
Okt 30	Bank	700			

(a) (ii) Lejar Jualan**Akaun Mahiran**

Tarikh	Butir	Amaun	Tarikh	Butir	Amaun
		RM	2024		RM
			Okt 24	Bank	3 000

Akaun Letchumy

Tarikh	Butir	Amaun	Tarikh	Butir	Amaun
		RM	2024		RM
			Okt 29	Bank	4 000
				Diskaun diberi	300

(a) (iii) Lejar Belian

Akaun Jakel Textile

Tarikh	Butir	Amaun	Tarikh	Butir	Amaun
2024		RM			RM
Okt 16	Bank	4 000			

Akaun Nagoya Textile

Tarikh	Butir	Amaun	Tarikh	Butir	Amaun
2024		RM			RM
Okt 26	Bank	2 000			

[10 markah]

(b) (i) (1) Pulangan atas Modal

$$\begin{aligned} &= \frac{\text{Untung Bersih}}{\text{Modal awal}} \times 100\% \\ &= \frac{\text{RM}40\,100 - \text{RM}24\,500 - \text{RM}3\,500}{\text{RM}33\,800} \times 100\% \\ &= \mathbf{35.80\%} \end{aligned}$$

[2 markah]

(2) Peratus Untung Kasar atas Jualan

$$\begin{aligned} &= \frac{\text{Untung Kasar}}{\text{Jualan Bersih}} \times 100\% \\ &= \frac{\text{RM}40\,100 - \text{RM}24\,500}{\text{RM}40\,100} \times 100\% \\ &= \mathbf{38.90\%} \end{aligned}$$

[2 markah]

(3) Nisbah Semasa

$$\begin{aligned} &= \frac{\text{Aset Semasa}}{\text{Liabiliti Semasa}} \\ &= \frac{\text{RM}6\,800 + \text{RM}3\,300 + \text{RM}3\,500 + \text{RM}6\,100}{\text{RM}4\,000 + \text{RM}450} \\ &= \mathbf{4.43 : 1} \end{aligned}$$

[2 markah]

(4) Kadar Pusing Ganti Inventori

$$\begin{aligned} &= \frac{\text{Kos Jualan}}{\text{Inventori Purata}} \\ &= \frac{\text{RM}24\,500}{(\text{RM}2\,400 + \text{RM}3\,500) / 2} \\ &= \mathbf{8.31 \text{ kali}} \end{aligned}$$

[2 markah]

(b) (ii) Perniagaan Farmasi Mimi. Ini kerana Pulangan atas Modal Farmasi Mimi ialah 37% lebih tinggi berbanding Pulangan atas Modal Farmasi Afra iaitu 35.80%.

[2 markah]

KERTAS MODEL SIJIL PELAJARAN MALAYSIA SET 2

Kertas 1

- 1 A**
Sub bidang Perakaunan Pengurusan ialah menyediakan maklumat perakaunan untuk pengguna dalaman. Antara skop kerja ialah kawalan, perancangan dan pengurusan pengeluaran.
Pilihan lain tidak berkaitan.
- 2 B**
Pengguna luaran merupakan pihak ketiga yang menggunakan maklumat Penyata Kewangan. Pengguna luaran yang mana juga dikenali sebagai pengguna sekunder. Agensi penarafan menggunakan Penyata Kewangan untuk memberikan penarafan perniagaan dari segi pengurusan kredit. Manakala, Kesatuan pekerja menggunakan Penyata Kewangan untuk melihat keupayaan perniagaan menawarkan kenaikan gaji dan faedah lain.
- 3 C**
Catatan Kontra ialah catatan yang mengurangkan baki akaun yang berkaitan dengannya. Pulangan keluar juga dikenali sebagai Pulangan Belian.
Pilihan lain tidak berkaitan.
- 4 A**
Makluman debit ialah makluman daripada pihak bank bahawa baki tunai di bank pemegang akaun telah berkurang seperti caj bank yang meliputi caj pembaharuan kad ATM dan pembayaran atas arahan tetap pelanggan.
Pilihan lain tidak berkaitan.
- 5 D**
Prinsip ketekalkan adalah memastikan wujudnya konsistensi dalam prosedur perakaunan yang digunakan oleh semua perniagaan dari satu tempoh perakaunan ke tempoh perakaunan yang lain. Hal ini membolehkan perbandingan maklumat perakaunan yang adil antara dua tempoh perakaunan. Sebagai contoh, penggunaan kaedah susut nilai aset bukan semasa perniagaan perlu konsisten pada setiap tempoh perakaunan.
Pilihan lain tidak berkaitan.
- 6 B**
Jualan barang niaga direkodkan selepas mengambil kira diskaun niaga. Oleh itu, kesan kepada Inventori Pensonic Trading ialah berkurang sebanyak RM84 000 (RM88 000 – RM4 000).

Pembayaran pendahuluan sebanyak RM10 000 secara cek. Maka, kesannya Bank bertambah sebanyak RM10 000.

Akhir sekali, bakinya Ain Kek Cawan Enterprise akan dibayar pada bulan hadapan. Jadi, jumlah hutang pelanggan Pensonic Trading ialah RM74 000 (RM84 000 – RM10 000), Akaun Belum Terima bertambah sebanyak RM74 000.
Pilihan lain tidak berkaitan.
- 7 C**
Urus niaga yang direkodkan dalam Jurnal Pulangan Jualan ialah mencatatkan Pulangan Masuk. Pulangan Masuk sama erti dengan Pulangan Jualan.
Pilihan lain tidak berkaitan.
- 8 C**
Sistem Panjar ialah sistem yang digunakan dalam perekodan Buku Tunai Runcit. Jumlah yang telah dibelanjakan dalam tempoh tersebut akan menggantikan semula jumlah asal. Oleh, itu jumlah wang yang akan dibayar balik kepada juruwang runcit ialah RM460.
Pilihan lain tidak berkaitan.

9 D

Sumber maklumat bagi butir bank dalam Akaun Kawalan Belum Bayar ialah daripada Buku Tunai yang mana menunjukkan pembayaran kepada pembekal telah dibuat. Manakala, sumber maklumat bagi butir faedah ialah Jurnal Am yang mana menunjukkan pembekal mengenakan faedah kepada perniagaan. Pilihan lain tidak berkaitan.

10 C

Akaun Nominal ialah Akaun yang merekodkan semua Hasil dan Belanja. Klasifikasi bagi Akaun Hutang lapuk dan Akaun diskaun diberi ialah Belanja manakala klasifikasi untuk Akaun Komisen ialah Hasil. Pilihan lain tidak berkaitan.

11 B

Catatan dalam lejar daripada Buku Catatan Pertama iaitu Jurnal Jualan adalah seperti pada pilihan jawapan B. Ini kerana, Jurnal Jualan telah ditutup dan dipindah rekod ke Akaun Jualan. Manakala, dalam lejar Akaun Belum Bayar – Pembekal Muadzam perlu direkodkan mengikut tarikh urus niaga berlaku. Pilihan lain tidak berkaitan.

12 C

Kesilapan komisen adalah jenis kesilapan tidak ketara yang mana kesilapan merekodkan amaun yang betul dalam akaun yang salah di bawah pengelasan akaun yang sama. Azizi Enterprise dan Aziz Enterprise adalah dalam pengelasan akaun yang sama iaitu Akaun Belum Terima bagi perniagaan Kemudi Timur. Pilihan lain tidak berkaitan.

13 D

Kesilapan catatan yang terbalik atau songsang ialah catatan debit direkodkan di bahagian kredit manakala catatan kredit direkodkan di bahagian debit. Pilihan lain tidak berkaitan.

14 D

Penggiraan Untung bersih selepas mengambil kira kesilapan
= RM45 600 + RM550 (Gaji Prabayar) – RM1 250 (Sewa belum terperoleh) – RM1 750 (Belanja membaiki peralatan)
= RM 43 150

15 C

Penggiraan Untung Kasar
= Jualan Bersih – Kos Jualan
= (RM45 000 – RM2 000) – (RM1 300 + [RM27 500 – RM1 500 + RM850]) – RM1 890
= RM16 740

16 D

Dalam pelarasan Akaun Nominal, Belanja belum bayar dan Hasil belum terperoleh merupakan liabiliti kepada perniagaan. Maka, Sewa belum bayar dan Komisen belum terperoleh merupakan Liabiliti Semasa.

17 A

Baki bawa ke bawah merujuk Baki awal akaun atau Baki b/b sesuatu akaun. Baki awal Aset dan Belanja ialah di bahagian Debit dan Baki awal Liabiliti, Hasil dan Ekuiti Pemilik ialah di bahagian kredit. Insurans prabayar ialah Aset. Maka, baki bawa ke bawah di bahagian Debit. Pilihan jawapan lain tidak tepat.

18 C

Rumus peruntukan hutang ragu ialah $\% \times$ Akaun Belum Terima bersih.
Akaun Belum Terima bersih = RM7 800
Peruntukan hutang ragu = $5\% \times$ RM7 800 = RM390
Amaun ini direkodkan di Penyata Kedudukan Kewangan.
Pilihan lain tidak berkaitan.

19 A

Rumus Untung Bersih = Untung Kasar + Hasil – Belanja
Pengiraan Untung Bersih PSS Mubeen Teleco Sdn Bhd ialah
RM21 400 + RM480 + RM320 – RM550 (Sewa prabayar)
= RM21 650
Pilihan lain tidak berkaitan.

20 D

Ini kerana Belanja baik pulih akan memberi kesan pengurangan kepada Untung Bersih selepas pembetulan kesilapan dibuat.
Pilihan lain tidak berkaitan.

21 B

Tafsiran Nisbah Peratus Untung Kasar atas Jualan bagi setiap ringgit Jualan Bersih, Untung Kasar yang diperoleh ialah 20 sen.
Ini bermakna dalam bentuk peratusan ialah Peratus Untung Kasar atas Jualan = 20%.

Rumus untuk mengira Peratus Untung Kasar atas Jualan

$$\begin{aligned} &= \frac{\text{Untung kasar}}{\text{Jualan Bersih}} \times 100\% \\ &= \frac{\text{Jualan Bersih} - \text{Kos Jualan}}{\text{Jualan Bersih}} \times 100\% = 20\% \\ &= \frac{\alpha - \text{RM}27\,740}{\alpha} = 0.2 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \alpha - \text{RM}27\,740 &= 0.2\alpha \\ 0.8\alpha &= \text{RM}27\,740 \\ \alpha &= \text{RM}34\,675 \end{aligned}$$

maka Jualan ialah RM34 675

22 B

Rumus untuk mengira Tempoh Kutipan Hutang

$$\begin{aligned} &= \frac{\text{Akaun belum terima}}{\text{Jualan kredit}} \times 365 \text{ hari} \\ &= \frac{\text{RM}7\,560}{\text{RM}118\,800} \times 365 \text{ hari} \\ &= 23.22 \\ &= \sim 24 \text{ hari} \end{aligned}$$

23 C

Rumus mengira Untung atau Rugi Bersih dengan kaedah perbandingan ialah

$$= \text{Modal Akhir} - \text{Modal Awal}$$

Rumus mengira Modal ialah

$$= \text{Aset} - \text{Liabiliti}$$

$$\frac{\text{Untung}}{\text{Rugi Bersih}}$$

$$\begin{aligned} &= [\text{RM}25\,000 + \text{RM}18\,500 - \text{RM}10\,000 - \text{RM}13\,500] - [\text{RM}30\,000 + \text{RM}13\,200 - \text{RM}10\,000 - \text{RM}8\,000] \\ &= -\text{RM}5\,200 \end{aligned}$$

Hasil pengiraan ialah memperolehi –RM5 200, maka Perniagaan Serunding mengalami Rugi Bersih sebanyak RM5 200.

24 C

Perniagaan yang mempunyai rekod yang tidak lengkap ini perlu menyediakan Akaun Kawalan Belum Terima bagi mendapatkan jumlah pembayaran.

Akaun Kawalan Belum Terima			
	RM		RM
Jualan	76 300	Diskaun diberi	2 550
		Pulangan jualan	3 360
		Hutang lapuk	450
		Bank	46 540
		Baki h/b	23 400
	76 300		76 300

Peruntukan Hutang Ragu **TIDAK** direkodkan dalam Akaun Kawalan Belum Terima.

25 B

Perniagaan boleh menggunakan maklumat Modal Awal tahun dan Modal Akhir tahun untuk menentukan untung atau rugi. Rekod minimum yang perlu disimpan oleh peniaga ialah Aset dan Liabiliti pada awal tahun dan akhir tahun.

26 D

Aspek kawalan dalam pengendalian penerimaan dan pembayaran tunai dalam perniagaan SMI Bookstores yang dilakukan ialah mengasingkan tugas bagi setiap orang pekerja dalam kawalan dalam urus niaga tunai melibatkan tatacara dan prosedur penerimaan dan pembayaran tunai. Pilihan lain tidak berkaitan.

27 A

Kurangan berlaku apabila jumlah pembayaran lebih besar jumlah penerimaan dalam Belanjawan Tunai. Sekiranya Belanjawan Tunai mempunyai nilai kurangan maka peniaga perlu mencari alternatif untuk menampung kurangan tersebut. Alternatif yang boleh diambil oleh perniagaan untuk mengatasi kurangan ialah membuat pinjaman daripada institusi kewangan, meningkatkan jualan ataupun mengurangkan perbelanjaan perniagaan.

28 B

Sekiranya perjanjian perkongsian tidak dibuat oleh perniagaan perkongsian dan berlakunya sebarang perselisihan antara pekongsi, maka perkara tersebut akan diselesaikan menurut Akta Perkongsian 1961. Semua pekongsi perlu menyelesaikan perkara berbangkit dengan merujuk Bahagian IV Seksyen 26 Akta Perkongsian 1961.

29 A

Bahagian debit Akaun Semasa Pekongsi menunjukkan tuntutan perkongsian terhadap pekongsi antaranya Ambilan, Faedah atas Ambilan dan juga Bonus prabayar, Gaji Pekongsi Prabayar dan Elaun prabayar. Pilihan lain tidak berkaitan.

30 C

Akaun realisasi berfungsi untuk menilai jumlah kerugian atas perkongsian.

Akaun Realisasi			
	RM		RM
Aset	40 000	Bank	32 500
Belanja realisasi	1 500	Modal Pekongsi	9 000
	41 500		41 500

Rugi Realisasi, butiran Modal Pekongsi dicatat di sebelah kredit Akaun Realisasi.

31 A

Antara ciri-ciri Syarikat berhad ialah Hayat Berterusan. Ini bermaknya perniagaan diandaikan terus beroperasi meskipun terdapat salah seorang daripada pemegang syer meninggal dunia atau menarik diri daripada pegangan syer dalam Syarikat tersebut.

Pilihan lain tidak berkaitan.

32 B

Antara ciri-ciri syer biasa ialah dalam keutamaan pembayaran dividen, pemegang syer biasa akan diberikan dividen andainya ada lebih daripada keuntungan Syarikat selepas pembayaran dividen kepada pemegang Syer Keutamaan.

Pilihan lain tidak berkaitan.

33 B

Butiran penerimaan tunai dalam Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi Kelab Minat Minecraft Education adalah penerimaan yuran daripada ahli kelab dan kutipan menjalankan aktiviti kelab seperti *Minecraft Education Challenge*.

Pilihan lain tidak berkaitan.

34 C

Yuran Belum Terima pada akhir tempoh perakaunan ialah merupakan yuran ahli pada tahun perakaunan semasa yang masih belum diterima. Yuran belum terima pada akhir tahun ini dikategorikan sebagai Aset Semasa dalam Penyata Kedudukan Kewangan Kelab Persatuan tersebut.

Pilihan lain tidak berkaitan.

35 D

Perbelanjaan modal merupakan perbelanjaan ke atas pembelian atau membina Aset Bukan Semasa. Oleh itu, Kos pemasangan pendingin hawa kelab merupakan perbelanjaan modal kerana kos tersebut diberlaku ke atas pembelian Aset Bukan Semasa iaitu pendingin hawa.

Pilihan lain tidak berkaitan.

36 C

Rumus mengira Dana Terkumpul ialah

= Aset – Liabiliti

Persatuan Tarian Rimau		
Penyata Mengira Dana Terkumpul pada 1 Januari 2024		
	RM	RM
Aset		
Kelengkapan bilik	5 000	
Alatan muzik	7 200	
Baju dan aksesori persembahan	10 000	
Bank	13 250	
Yuran Belum Terima	300	
		35 750
(-) Liabiliti		
Yuran Belum Bayar	450	
Sewa premis belum bayar	1 000	
		(1 450)
Dana terkumpul pada 1 Januari 2024		34 300

37 D

Rumus mengira Kos Pengeluaran ialah = Kos Bahan Langsung + Kos Buruh Langsung + Belanja Langsung + Kos Overhed + Kerja Dalam Proses Awal – Kerja Dalam Proses Akhir.
Pilihan lain tidak berkaitan.

38 D

Kos perkilangan tak langsung ialah kos overhed. Kos yang tidak terlibat secara langsung dalam proses pengeluaran tetapi perlu dibelanjakan untuk meneruskan pengeluaran produk cermin bagi Kilang Pembutan Cermin. Oleh itu, Gaji penyelia stor kilang dan susut nilai jentera merupakan kos perkilangan tak langsung.
Pilihan lain tidak berkaitan.

39 C

Rumus mengira Keuntungan ialah
= [Unit pengeluaran × Margin Caruman Seunit] – Kos Tetap
Maka,
= [3 000 unit × (RM25 – RM15)] – RM10 000
Keuntungan = RM20 000

40 A

Rumus mengira Titik Pulang Modal ialah
$$= \frac{\text{Jumlah Kos Tetap}}{\text{Harga Jualan Seunit} - \text{Kos Berubah Seunit}}$$

Oleh itu, Titik Pulang Modal akan terkesan sekiranya berlaku perubahan kepada Jumlah Kos tetap, Kos Berubah seunit dan Harga jualan seunit.
Pilihan lain tidak berkaitan.

Kertas 2

Bahagian A

Soalan 1

- (a) Bilangan maksimum pekongsi
– Perkongsian biasa ialah 20 orang rakan kongsi
– Perkongsian profesional ialah 50 orang rakan kongsi

[2 markah]

(b)

Bil.	Akaun	Catatan Kontra
(i)	Akaun Jentera	Susut Nilai Terkumpul Jentera
(ii)	Akaun Belum Terima	Peruntukan Hutang Ragu

[2 markah]

(c)

Akaun yang didebitkan	Akaun yang dikreditkan
Pembekal Aleeya	Bank Diskaun diterima

[3 markah]

(d)

Akaun Yuran

2024		RM	2023		RM
Jun 30	Pendapatan & Perbelanjaan	3 800	Jul 1	Yuran Belum Terperoleh	340
			2024		
			Jun 30	Bank/ Tunai	3 460
		<u>3 800</u>			<u>3 800</u>

[3 markah]

Soalan 2

(a)

Perkongsian AZ

Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2024

	RM	RM	RM
Jualan			130 400
(-) Pulangan jualan			—
Jualan Bersih			130 400
(-) Kos Jualan			
Inventori Awal		13 090	
Belian	82 856		
(-) Pulangan Belian	—		
Belian Bersih	<u>82 856</u>		
(+) Angkutan Masuk	<u>4 250</u>		
Kos Belian		87 106	
Kos barang untuk dijual		100 196	
(-) Inventori Akhir		<u>(13 550)</u>	
Kos Jualan			<u>(86 646)</u>
Untung Kasar			43 754
(+) Hasil			
Komisen (1)		960	
Pengurangan Peruntukan Hutang Ragu (2)		<u>95</u>	
			<u>1 055</u>
(-) Belanja			44 809
Gaji (3)		7 420	
Kadar bayaran (4)		1 134	
Insurans (5)		1 500	
Susut Nilai Lengkapan (6)		2 250	
Faedah atas Pinjaman Ayyub (7)		<u>1 200</u>	
			<u>(8 450)</u>
Untung bersih			31 305

Nota	
(1)	Komisen = $RM3\ 840 \times \frac{3}{12} = RM960$
(2)	Pengurangan peruntukan hutang ragu = $RM420 - RM325 = RM95$
(3)	Gaji = $RM6\ 420 + RM1\ 000 = RM7\ 420$
(4)	Kadar bayaran = $RM1\ 034 + RM100 = RM1\ 134$
(5)	Insurans = $\frac{10}{12} \times RM1\ 800 = RM1\ 500$
(6)	Susut Nilai Lengkapan = $RM22\ 500 \times 10\% = RM2\ 250$
(7)	Faedah Atas Pinjaman Ayyub = $RM15\ 000 \times 8\% = RM1\ 200$

[12 markah]

(b)

Perkongsian AZ
Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2024

	RM	RM
Untung bersih		31 305
<i>Tolak:</i>		
Faedah atas Modal (1)	9 240	
Gaji Pekongsi (2)	10 800	
		(20 040)
<i>Tolak:</i>		
Akaun Semasa Ayyub ($11\ 265 \times 2/5$)	4 506	
Akaun Semasa Zuhayr ($11\ 265 \times 3/5$)	6 759	
		(11 265)
		0

Nota	
(1)	Faedah atas Modal $= \left(RM30\ 800 \times 12\% \times \frac{12}{12} \right) + \left(RM46\ 200 \times 12\% \times \frac{12}{12} \right)$ $= RM3\ 696 + RM5\ 544$ $= RM9\ 240$
(2)	Gaji Pekongsi $= (RM500 \times 12) + (RM400 \times 12)$ $= RM6\ 000 + RM4\ 800$ $= RM10\ 800$

[4 markah]

(c)

Perkongsian AZ
Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Mac 2024

	Kos	Susut Nilai Terkumpul	Nilai Buku
	RM	RM	RM
<u>Aset Bukan Semasa</u>			
Bangunan	50 000		50 000
Lengkapan	25 000	(4 750)	20 250
			<u>70 250</u>
<u>Aset Semasa</u>			
Bank		10 840	
Tunai		410	
Inventori		13 550	
Akaun Belum Terima	6 500		
(-) Peruntukan Hutang Ragu (1)	(325)	6 175	
Insurans Prabayar (2)		300	
		<u>31 275</u>	
<u>Tolak : Liabiliti Semasa</u>			
Akaun Belum Bayar	3 330		
Komisen Belum Terperoleh (3)	2 880		
Kadar Bayaran Belum Bayar	100		
		<u>(6 310)</u>	
Modal Kerja			<u>24 965</u>
Nilai Aset Bersih			<u>95 215</u>
<u>Ekuiti Pemilik</u>			
Akaun Modal Ayyub		30 800	
Akaun Modal Zuhayr		46 200	
		<u>77 000</u>	
Akaun Semasa Ayyub (4)		(6 468)	
Akaun Semasa Zuhayr (5)		9 683	
		<u>3 215</u>	
			<u>80 215</u>
<u>Liabiliti Bukan Semasa</u>			
Pinjaman Ayyub			<u>15 000</u>
			<u>95 215</u>

Nota	
(1)	Peruntukan Hutang Ragu = RM6 500 × 5% = RM325
(2)	Insurans Prabayar = RM1 800 – RM1 500 = RM300
(3)	Komisen belum terperoleh = RM3 840 × $\frac{9}{12}$ = RM2 880
(4)	& (5)

Akaun Semasa Pekongsi							
Tarikh	Butir	Ayyub	Zuhayr	Tarikh	Butir	Ayyub	Zuhayr
2023		RM	RM	2023		RM	RM
Jul 1	Baki b/b	870		Jul 1	Baki b/b		1 380
2024				2024			
Jun 30	Ambilan	15 000	4 000	Jun 30	Faedah atas Modal	3 696	5 544
					Pengasingan Untung Rugi	4 506	6 759
					Faedah Pinjaman	1 200	
	Baki h/b		9 683		Baki h/b	6 468	
		15 870	13 683			15 870	13 683
Jul 1	Baki b/b	6 468 (4)		Jul 1	Baki b/b		9 683 (5)

[9 markah]

Soalan 3

(a)

Kilang Makanan Ringan Hebat
Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2024

	RM	RM
<u>Kos Bahan Langsung</u>		
Inventori awal bahan langsung		6 170
Belian bahan langsung	51 380	
(-) Pulangan belian (1)	(2 810)	
	48 570	
(+) Angkutan masuk bahan langsung	1 760	50 330
		56 500
(-) Inventori akhir bahan langsung		(6 130)
Kos bahan langsung digunakan		50 370
 <u>Kos Buruh Langsung</u>		
Gaji operator kilang (2)		24 295
 <u>Belanja Langsung</u>		
Bayaran royalti		10 470
Kos Prima		85 135
 <u>Kos Overhed</u>		
Gaji pengurus kilang	12 400	
Insurans kilang (3)	6 400	
Kadar bayaran kilang (4)	10 800	
Gas dan bahan bakar kilang	5 435	
Sewa kilang (5)	4 690	
Susut nilai loji dan mesin (6)	14 240	
Susut nilai peralatan kilang (7)	3 200	
Penyelenggaraan kilang (8)	7 810	
Belanja memperbaiki alatan dan mesin	3 610	
Alat-alat kecil kilang (9)	2 030	
	70 615	
		155 750
(+) Kerja dalam proses awal		1 350
		157 100
(-) Kerja dalam proses akhir		(410)
Kos Pengeluaran		156 690

Nota	
(1)	Pulangan belian = RM2 355 + RM455 = RM2 810
(2)	Gaji operator kilang = RM22 325 + RM1 970 = RM24 295
(3)	Insurans kilang = 80% × RM8 000 = RM6 400
(4)	Kadar bayaran kilang = (RM10 000 + RM2 000) × 90% = RM10 800
(5)	Sewa kilang = 70% × RM6 700 = RM4 690
(6)	Susut nilai loji dan mesin = [20% × (RM84 000 – RM12 800)] = RM14 240
(7)	Susut nilai peralatan kilang = 10% × RM32 000 = RM3 200
(8)	Penyelenggaraan kilang = RM8 160 – RM350 = RM7 810
(9)	Alat-alat kecil kilang = RM1 350 + RM1 720 – RM1 040 = RM2 030

[19 markah]

(b)

Kilang Makanan Ringgan Hebat
Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2024

	RM	RM	RM
Jualan			190 200
(-) Pulangan jualan			(3 200)
Jualan Bersih			187 000
(-) Kos Jualan			
Inventori awal		3 120	
Kos pengeluaran		156 690	
		159 810	
(-) Inventori akhir		(5 430)	
Kos jualan			(154 380)
Untung kasar			32 620

[6 markah]

Bahagian B
Soalan 4

Perniagaan Bahulu Warisan Bonda
Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 30 April 2024

Butiran	Feb	Mac	Apr
	RM	RM	RM
Baki awal (1)	20 800	39 950	113 210
<u>Penerimaan</u>			
Jualan	22 500	27 000	32 400
Akaun Belum Terima	6 250	7 500	9 000
Pinjaman	50 000	–	–
Jumlah Penerimaan	78 750	34 500	41 400
<u>Pembayaran</u>			
Belian	4 500	5 400	6 480
Akaun Belum Bayar	–	11 250	13 500
Kadar bayaran	700	700	700
Insurans	1 500	1 500	1 500
Gaji	2 400	2 640	2 640
Mesin daftar tunai	500	–	700
Ansuran pinjaman (2)	–	1 000	1 000
Jumlah Pembayaran	9 600	11 240	26 520
Lebihan	69 150	23 260	14 880
Baki akhir	89 950	113 210	128 090

Nota	
(1)	Baki awal = RM20 000 + RM800 = RM20 800
(2)	Ansuran pinjaman = $\frac{[RM50\ 000 + (RM50\ 000 \times 4\% \times 5\ \text{tahun})]}{60\ \text{bulan}}$ = RM 1 000

[20 markah]

Soalan 5

(a) (i) **Mentari Sinaran Berhad**
Modal diterbitkan dan berbayar penuh

8% Syer Keutamaan

450 000 unit × RM2.00 = RM900 000

Syer biasa

700 000 unit × RM2.00 = RM1 400 000

Modal diterbitkan dan berbayar penuh = RM2 300 000

[2 markah]

(ii) **Dividen Interim 8% Syer Keutamaan**

$$450\,000 \text{ unit} \times \text{RM}2 \times 8\% \times \frac{5}{12} = \text{RM}30\,000$$

[1 markah]

(iii) **Jumlah Dividen Akhir**

8% Syer Keutamaan

$$450\,000 \text{ unit} \times \text{RM}2.00 \times 8\% \times \frac{6}{12} = \text{RM}36\,000$$

Syer biasa

$$700\,000 \text{ unit} \times \text{RM}0.08 = \text{RM}56\,000$$

$$\text{Jumlah Dividen Akhir} = \text{RM}92\,000$$

[2 markah]

(iv)

Jurnal Am

Tarikh 2024	Butiran	Debit RM	Kredit RM
Feb 1	Permohonan 8% Syer Keutamaan	900 000	
	Modal 8% Syer Keutamaan		900 000
	Permohonan Syer Biasa	1 400 000	
	Modal Syer Biasa		1 400 000
	Bank	2 300 000	
	Permohonan 8% Syer Keutamaan		900 000
	Permohonan Syer Biasa		1 400 000

[5 markah]

(b) (i)

**Cik Maryam
Penyata Mengira Modal pada 31 Mei 2024**

	RM	RM
<u>Aset:</u>		
Akaun Belum Terima (1)	12 192	
Bank	28 100	
Inventori	9 550	
Lengkapan (2)	16 275	
Kenderaan (3)	27 500	
	<hr/>	93 617
<u>(-) : Liabiliti</u>		
Akaun Belum Bayar	7 550	
Faedah atas Pinjaman	910	
Pinjaman	13 000	
Sewa Belum Terperoleh	250	
	<hr/>	(21 710)
Modal pada 1 Ogos 2023		<hr/> 71 907

Nota	
(1)	Akaun Belum Terima = RM13 200 – RM500 – RM 508 = RM12 192
(2)	Lengkapan = $\left[\text{RM12 000} - \left(\text{RM12 000} \times 5\% \times \frac{12}{12} \right) \right] + \left[\text{RM5 000} - \left(\text{RM5 000} \times 5\% \times \frac{6}{12} \right) \right]$ = RM11 400 + RM4 875 = RM16 275
(3)	Kenderaan = RM30 000 – RM2 500 = RM27 500

[7 markah]

(b) (ii)

Cik Maryam
Penyata Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mei 2024

	RM	RM
Modal akhir		71 907
(+) Ambilan		2 880
		74 787
(-) Modal Tambahan	5 000	
Modal Awal (1)	65 150	
		(70 150)
Untung bersih		4 637

Nota	
(1)	RM12 000 + RM7 850 + RM25 600 + RM10 500 + RM30 000 – RM15 000 – RM5 800 = RM65 150

[3 markah]

Soalan 6

(a) (i) Kos berubah seunit

Item	Kuantiti	Harga (RM)	Kegunaan dalam resepi 15 unit	Kos untuk 15 unit
Susu sejat	400 gram	3.00	100gram	0.75
Gula	1 000 gram	3.00	250gram	0.75
Tepung	1 000 gram	3.00	250gram	0.75
Telur	30 biji	11.25	8 biji	3.00
Gula Aising	500 gram	2.50	100 gram	0.50
Mentega	250 gram	5.00	125gram	2.50
Jumlah				8.25

$$\begin{aligned} \text{Kos berubah seunit} &= \frac{\text{RM8.25}}{15 \text{ unit}} \\ &= \text{RM0.55} \end{aligned}$$

[3 markah]

(ii) Kos tetap = RM50 + RM10 + RM40
= **RM100**

[1 markah]

$$\begin{aligned}
 \text{(iii) Titik Pulang Modal} &= \frac{\text{Jumlah Kos Tetap}}{\text{Margin Caruman Seunit}} \\
 &= \frac{\text{RM100}}{\text{RM2.55} - \text{RM0.55}} \\
 &= \frac{\text{RM100}}{\text{RM2}} \\
 &= \mathbf{50 \text{ unit}}
 \end{aligned}$$

[2 markah]

$$\begin{aligned}
 \text{(iv) Titik pulang modal baru} &= \frac{\text{Jumlah Kos Tetap}}{\text{Margin Caruman Seunit}} \\
 &= \frac{\text{RM150}}{\text{RM2.55} - \text{RM0.55}} \\
 &= \frac{\text{RM150}}{\text{RM2}} \\
 &= \mathbf{75 \text{ unit}}
 \end{aligned}$$

[2 markah]

$$\begin{aligned}
 \text{(v) Unit Pengeluaran} &= \frac{\text{Jumlah Kos Tetap} + \text{Untung Sasaran}}{\text{Margin Caruman Seunit}} \\
 &= \frac{\text{RM150} + \text{RM2 500}}{\text{RM2.55} - \text{RM0.55}} \\
 &= \frac{\text{RM2 650}}{\text{RM2}} \\
 &= \mathbf{1\ 325 \text{ unit}}
 \end{aligned}$$

[2 markah]

(b)

Buku Tunai Runcit

Tarikh	Butir	Penerimaan (Dt)	Pembayaran (Kt)	Analisis Bayaran		
				Alat Tulis	Belanja Perjalanan	Belanja Pejabat
2024		RM	RM	RM	RM	RM
Jun 1	Bank	250				
4	Kalkulator		17	17		
7	Tambang		25		25	
12	Sampul surat		2	2		
13	Alas meja dan pewangi		60			60
23	Gula, kopi dan teh		63			63
27	Parkir		5		5	
		250	172	19	30	123
30	Baki h/b		78			
		250	250			
Jul 1	Baki b/b	78				
	Bank	172				

[10 markah]

KERTAS MODEL SIJIL PELAJARAN MALAYSIA SET 3

Kertas 1

- 1 B**
Kod Etika Akauntan Profesional yang menggariskan lima ciri etika dalam profesion perakaunan. Antaranya, kompetensi, iaitu seorang Akauntan harus profesional, berkemahiran dan berkeupayaan untuk memberi perkhidmatan perakaunan yang terbaik terhadap pelanggan.
Pilihan lain tidak berkaitan.
- 2 B**
Selepas Revolusi Perindustrian di England pada abad ke-17 dan 18, perakaunan kos telah diperkenalkan bagi memenuhi proses pengeluaran firma yang berkembang pesat.
Pilihan lain tidak berkaitan.
- 3 A**
Andaian perakaunan – entiti berasingan ialah menyatakan bahawa perniagaan perlu menyimpan rekod transaksinya berasingan daripada rekod transaksi peribadi pemiliknya, unit-unit perniagaan atau urus niaga perniagaan lain di bawah milikannya.
Pilihan lain tidak berkaitan.
- 4 A**
TNB atau Tenaga Nasional Berhad ialah entiti jenis Syarikat Berhad yang mana tanggungan liabilitinya adalah pemegang syer akan menanggung liabiliti terhad setakat sumbangan modal yang dilaburkan.
Pilihan lain tidak berkaitan.
- 5 C**
Belanja operasi ialah belanja yang terlibat secara langsung dalam aktiviti utama perniagaan seperti gaji pekerja, insurans kedai, sewa premis, kadar bayaran atau utiliti. belanja am, alat tulis dan susut nilai aset bukan semasa.
Pilihan lain tidak berkaitan.
- 6 A**
Urus niaga ini akan mengurangkan Ekuiti Pemilik kerana sewa kediaman iaitu ambilan tunai oleh pemilik. Tambahan lagi, aset perniagaan akan berkurang kerana mengguna pakai tunai dalam bank.
Pilihan lain tidak berkaitan.
- 7 B**
Dokumen ini merupakan suatu dokumen yang menyenaraikan perkhidmatan yang telah diberikan kepada pelanggan dan rekod pembayaran pelanggan. Kebiasaannya, dokumen ini disediakan dalam sektor perkhidmatan seperti sektor perhotelan, perkhidmatan pos dan kurier, hospital dan firma guaman. Ia juga berfungsi sebagai resit dan menjadi bukti pembayaran oleh pelanggan terhadap perkhidmatan yang dikenakan caj.
Pilihan lain tidak berkaitan.
- 8 C**
Dokumen ini merupakan dokumen yang dikeluarkan oleh pembekal apabila bayaran dibuat dengan menggunakan tunai atau cek mahupun pindahan kredit. Penerima bayaran akan menandatangani resit sebagai bukti bayaran telah diterima.
Pilihan lain tidak berkaitan.
- 9 D**
Pemilik Perniagaan Cendol Alkazam menerima sekeping invoice daripada Elektronik Kemudi Barat akan menambahkan liabiliti Perniagaan Cendol Alkazam atas pembelian aset secara kredit. Oleh itu, dalam catatan Jurnal Am di bahagian kredit.

Belian mesin pengisar ais yang baharu akan menambahkan aset, maka catatan dalam Jurnal Am ialah pada bahagian debit.

Untuk nilai yang direkodkan mestilah nilai selepas mengambil kira diskaun niaga, oleh itu RM3 000 tolak RM300 berjumlah RM2 700.
Pilihan lain tidak berkaitan.

10 B

Jurnal Pulangan Belian digunakan bagi merekodkan pulangan barang niaga kepada pembekal. Antara sebab barang niaga dipulangkan ialah barang rosak, kesilapan saiz atau jenama atau pemulangan bekas-bekas kosong seperti botol atau tin kepada pembekal. Nota kredit (asal) yang diterima daripada pembekal merupakan dokumen yang menjadi sumber maklumat kepada Jurnal Pulangan Belian.
Pilihan lain tidak berkaitan.

11 B

Sistem Panjar Runcit digunakan bagi menguruskan dana tunai runcit perniagaan. Pada setiap hujung bulan pula akan dihitung jumlah perbelanjaan yang telah dibayar. Y ialah nilai yang cek akan dikeluarkan untuk tujuan rekupmen bagi wang yang telah dibelanjakan.
Pilihan lain tidak berkaitan.

12 D

Jenis lejar terbahagi kepada dua, iaitu Lejar Am dan Lejar Khas. Lejar am berfungsi untuk merekodkan semua akaun kecuali Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar barang niaga.
Pilihan lain tidak berkaitan.

13 A

Untuk merekod pulangan barang niaga kepada SMO Bookstores dalam lejar mengikut sistem catatan bergu dengan mendebitkan Akaun SMO Bookstores kerana hutang Koperasi Sekolah Arab JAIM Selandar berkurang dan mengkreditkan Akaun Pulangan Belian menunjukkan pulangan barang niaga berlaku.
Pilihan lain tidak berkaitan.

14 C

Dalam Akaun Kawalan Belum Terima, bahagian debit menunjukkan hutang pelanggan bertambah. Diskaun diberikan dibatalkan berlaku kerana cek yang dibayar oleh pelanggan tidak laku. Catatan urus niaga diskaun diberikan dibatalkan direkodkan dalam Jurnal Am.
Pilihan lain tidak berkaitan.

15 A

Imbangan Duga ialah senarai baki debit dan baki kredit yang diambil daripada akaun-akaun lejar pada satu tarikh tertentu. Belanja dan Aset akan direkodkan di bahagian debit Imbangan Duga dan manakala Liabiliti, Hasil dan Ekuiti Pemilik akan direkodkan di bahagian kredit Imbangan Duga. Perkhidmatan penghantaran kejutan merupakan hasil kepada perniagaan.
Pilihan lain tidak berkaitan.

16 C

Dalam Sistem Inventori Berterusan, peniaga akan dapat mengesan pergerakan keluar dan masuk bagi setiap inventori perniagaannya. Melalui sistem ini, rekod inventori akan mempamerkan kuantiti, kos seunit, jumlah kos belian dan kos jualan inventori serta baki akhir inventori. Nilai dan kuantiti inventori sentiasa dikemas kini. Ini membolehkan pesanan inventori yang baharu dapat dilakukan dengan mudah pada masa yang tepat dan mengikut kuantiti yang diperlukan. Pergerakan inventori akan direkodkan secara terperinci. Ini kerana setiap inventori barang niaga akan dilekatkan kod bar yang akan diimbas oleh mesin pengimbas.
Pilihan lain tidak berkaitan.

17 B

Lain-lain hasil dan belanja yang terlibat dalam perniagaan bukan atas aktiviti perdagangan barang niaga perlu ditutup dan dipindahkan ke dalam Akaun Untung Rugi. Akaun Upah pekerja merupakan belanja lain, maka penutupan Akaun Upah Pekerja kemudian dipindahkan kepada Akaun Untung Rugi.
Pilihan lain tidak berkaitan.

18 D

Belanja prabayar bermaksud belanja sepatutnya dibayar pada tempoh perakaunan hadapan tetapi telah dibayar pada tempoh perakaunan semasa seperti kebiasaannya bayaran premium insurans.
Pilihan lain tidak berkaitan.

19 C

Rumus Mengira susut nilai mengikut kaedah baki berkurangan ialah Nilai Buku \times Kadar \times Tempoh
Susut nilai kelengkapan klinik pada Disember 2024 = RM10 800 \times 10% \times 12/12 = RM RM1 080
Susut nilai terkumpul kelengkapan klinik pada Disember 2024 = RM1 200 + RM1 080 = RM2 280
Pilihan lain tidak berkaitan.

20 B

Polisi insurans ialah bermula 1 Ogos 2023 hingga 31 Julai 2024. Manakala, tempoh perakaunan tahun semasa berakhir pada 28 Februari 2024. Oleh itu, terdapat insurans prabayar dalam perniagaan Dainil. Lebih bayar selama 5 bulan.

RM1800 bahagi 12 bulan ialah RM150 sebulan. Jumlah insurans yang harus dicatatkan dalam Imbangan Duga Terselaras ialah RM150 \times 7 bulan = RM1 050.
Pilihan lain tidak berkaitan.

21 B

Kesilapan komisen ialah Kesilapan yang dibuat dengan merekodkan amaun yang betul dalam akaun yang salah di bawah pengelasan akaun yang sama. Angkutan Masuk dan Angkutan Keluar di bawah pengelasan Belanja.
Pilihan lain tidak berkaitan.

22 B

Rosella Manja
Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Julai 2024

	RM	RM	RM
Jualan			105 000
(-) Pulangan masuk			(1 000)
Jualan Bersih			104 000
(-) Kos Jualan			
Inventori awal		10 200	
Belian	45 000		
(-) Pulangan keluar	(800)		
Belian bersih	44 200		
(+) Angkutan Masuk	400		
Duti import	600		
Kos belian		45 200	
Kos barang untuk dijual		55 400	
(-) Inventori akhir		(15 420)	
Kos Jualan			(39 980)
Untung kasar			64 020

23 B

Nisbah Ujian Asid berfungsi untuk mengukur keupayaan sesebuah perniagaan untuk membayar hutang jangka pendek dengan cepat atau serta-merta.
Pilihan lain tidak berkaitan.

24 B

Rumus mengira Margin Untung Bersih

$$= \frac{\text{Untung Bersih}}{\text{Jualan Bersih}} \times 100\%$$

Tahun	2021 RM	2022 RM	2023 RM	2024 RM
Jualan Bersih	100 000	80 000	110 000	90 000
Untung Bersih	50 000	50 000	65 000	55 000
Margin Untung Bersih	50.00%	62.50%	59.0%	61.11%

25 B

Sebab Rekod Perniagaan Tidak Lengkap ialah Catatan Urus Niaga yang tidak dibuat langsung, Tidak mengamalkan Sistem Catatan Bergu, Rekod-rekod perakaunan yang musnah atau hilang dan Dokumen Sumber urus niaga tidak disimpan secara sistematik.
Pilihan lain tidak berkaitan.

26 A

Akaun Kawalan Belum Terima			
	RM		RM
Baki b/b	100 000	Bank	125 000
Jualan	100 000	Baki h/b	75 000
	<u>200 000</u>		<u>200 000</u>

27 C

Tunai ialah aset paling cair bagi setiap perniagaan. Sebahagian besar urus niaga dalam perniagaan akan melibatkan penerimaan dan pembayaran tunai. Oleh sebab itu, kawalan terhadap tunai perlu dilakukan untuk mengurangkan risiko berlakunya penyelewengan, kecurian, salah guna dan penipuan dalam pengurusan tunai perniagaan. Maka, kepentingan pengasingan tugas dalam aspek kawalan pengendalian tunai ialah mengelakkan penyelewengan wang tunai.

28 C

Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Ogos 2024

	RM	RM
Baki debit di Buku Tunai		2 500
(+) Cek belum dikemukakan		600
(-) Deposit belum dikreditkan		(300)
Baki kredit di Penyata Bank		<u>2 800</u>

29 B

Faedah atas pinjaman bank merupakan pembayaran dalam Penyata Belanjawan Tunai apabila perniagaan membuat pinjaman daripada bank. Hutang lapuk terpulih merupakan butiran penerimaan. Manakala, Susut nilai terkumpul lekapan dan Pertambahan Peruntukan Hutang Ragu bukan item yang diambil kira dalam Belanjawan Tunai kerana kedua-duanya bukan butiran yang melibatkan tunai dan bank.

30 D

Item III dan IV merupakan kandungan Ikatan Perkongsian dalam aspek yang berkaitan dengan perakaunan.
Pilihan lain tidak tepat.

31 C

Perkongsian Jalil dan Jalal
Penyata Mengira Untung Bersih bagi tahun berakhir 30 Jun 2024

	RM	RM
Akaun Semasa Jalil	1 980	
Akaun Semasa Jalil	1 320	
		3 300
(+) Faedah atas Modal (1500 + 1000)	2 500	
Gaji pekongsi	2 500	
		5 000
(-) Faedah atas Ambilan		(80)
Untung bersih		8 220

32 D

Jika untung realisasi, butiran Modal Pekongsi dicatat di sebelah debit Akaun Realisasi.

Maka, dalam Jurnal Am, butiran Realisasi direkodkan di bahagian debit dan butiran Modal Pekongsi dicatatkan di bahagian kredit.

Nisbah Encik Zabidin dan Encik Rahim ialah 2:3, oleh itu, Untung Realisasi bagi Modal Zabidin ialah

$$\text{RM5 220} \left(\text{RM13 050} \times \frac{2}{5} \right) \text{ dan}$$

Untung Realisasi bagi Modal Encik Rahim ialah

$$\text{RM7 830} \left(\text{RM13 050} \times \frac{3}{5} \right)$$

Pilihan lain tidak berkaitan.

33 C

Keistimewaan pemegang syer Keutamaan ialah mereka layak menerima dividen yang bersifat kumulatif dan berhak untuk membuat tuntutan modal sekiranya syarikat dibubarkan.

Pilihan lain tidak berkaitan.

34 C

Rumus pengiraan dividen Syer Keutamaan

= Modal diterbitkan dan dibayar penuh × kadar × tempoh

$$= (1\,500\,000 \text{ unit} \times \text{RM}2.00) \times 6\% \times \frac{4}{12} \text{ (Januari – April 2024)}$$

$$= \text{RM}60\,000$$

35 B

Terdapat perbezaan antara komponen Dana Terkumpul kelab dan persatuan dengan komponen Ekuiti Pemilik bagi entiti yang berorientasikan keuntungan ialah Modal, Ambilan, Untung Bersih dan juga Rugi Bersih.

Pilihan lain tidak berkaitan.

36 D

Akaun Yuran Ahli boleh disediakan seperti berikut: Yuran Belum Terima pada awal tahun dicatatkan di sebelah debit Akaun Yuran Ahli, sementara Yuran Belum Terperoleh pada awal tahun dicatatkan di sebelah kredit Akaun Yuran Ahli. Yuran Belum Terperoleh pada akhir tahun dicatat di sebelah debit Akaun Yuran Ahli, sementara Yuran Belum Terima pada akhir tahun dicatat di sebelah kredit Akaun Yuran Ahli.

37 A

Perbelanjaan modal merupakan perbelanjaan ke atas pembelian atau membina Aset Bukan Semasa. Kelab Caklempung Sangkar Mustika telah menerima derma untuk pembelian alat muzik baharu. Alat muzik merupakan Aset Bukan Semasa kelab.

Pilihan lain tidak berkaitan.

38 C

Kos Bahan Langsung adalah merupakan kos bahan utama yang diperlukan dalam pengeluaran sesuatu barang dan merangkumi semua perbelanjaan yang terlibat dalam pembelian bahan langsung seperti duti import. Kos Buruh Langsung ialah amaun dibayar kepada buruh yang terlibat secara langsung dalam proses pengeluaran seperti operator kilang. Belanja Langsung ialah belanja yang turut berubah apabila berlaku perubahan dalam unit pengeluaran seperti bayaran royalti, cap dagangan (paten) dan reka bentuk produk.

Pilihan lain tidak berkaitan.

39 D

Kos overhead ialah kos yang tidak terlibat secara langsung dalam proses pengeluaran tetapi perlu dibelanjakan. Jumlah kos overhead

$$\begin{aligned}
 &= \text{Cukai taksiran kilang} + \text{Gaji pembantu pembersihan kilang} + \text{Penyelenggaraan loji dan mesin kilang} \\
 &= \text{RM12 000} + \text{RM5 400} + \text{RM8 900} \\
 &= \text{RM26 300}
 \end{aligned}$$

40 A

Rumus mengira Jumlah pengeluaran

$$\begin{aligned}
 &= \frac{\text{Kos Tetap} + \text{Untung Sasaran}}{\text{Margin Caruman Seunit}} \\
 &= \frac{\text{RM18 000} + \text{RM42 000}}{\text{RM15.00} - \text{RM9.00}} \\
 &= 10\,000 \text{ unit kotak}
 \end{aligned}$$

Kertas 2

Bahagian A

Soalan 1

(a)

Kod akaun	Nama item
295	Akaun Belum Bayar, Overdraft Bank, Pinjaman dan mana-mana liabiliti yang lain
549	Komisen, Dividen, Diskaun diterima dan mana-mana hasil yang lain
174	Kenderaan, Premis, Lengkapan dan mana-mana aset yang lain

[3 markah]

(b) Dua dokumen yang diserahkan kepada pembekal oleh pembeli dalam urus niaga secara kredit ialah

- Slip Pindahan Wang
- Slip Transaksi Perbankan Elektronik
- Slip Bank

[2 markah]

(c)

Analisis	Tafsiran
Nisbah semasa	Bagi setiap RM1.00 liabiliti semasa, perniagaan mempunyai aset semasa RM3.00 untuk menjelaskannya.
Kadar pusing ganti inventori	Dalam satu tempoh perakaunan, perniagaan telah menggantikan inventori baru sebanyak 4 kali.

[2 markah]

- (d) Tiga faktor berlakunya pembubaran perkongsian
1. Kematian, muflis atau pekongsi tidak siuman
 2. Tempoh tamat
 3. Tujuan penubuhan tercapai
 4. Perintah Mahkamah
 5. Pertukaran entiti perkongsian kepada syarikat
 6. Persetujuan oleh semua pekongsi

[3 markah]

Soalan 2

(a)

Syukri Sedap Trading Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Julai 2024

	RM	RM	RM
Jualan			62 200
(-) Pulangan Jualan			(1 290)
Jualan Bersih			60 910
(-) Kos Jualan			
Inventori Awal		16 910	
Belian	24 700		
(-) Pulangan Belian	(2 230)		
Belian Bersih	22 470		
(+) Angkutan Masuk	760		
Kos Belian		23 230	
Kos Barang untuk dijual		40 140	
(-) Inventori Akhir (1)		(13 450)	
Kos Jualan			(26 690)
Untung Kasar			34 220
(+) Hasil			
Komisen diterima (2)		2 040	
Diskaun diterima		560	
			2 600
(-) Belanja			36 820
Diskaun Diberi		330	
Gaji		24 000	
Faedah atas Pinjaman		450	
Kadar Bayaran		800	
Insurans (3)		3 800	
Alat Tulis (4)		340	
Hutang Lapuk (5)		1 170	
Sewa Premis (6)		3 360	
Susut Nilai Perabot (7)		1 700	
Susut Nilai Kenderaan (8)		4 950	
Pertambahan Peruntukan Hutang Ragu (9)		188	
			(41 088)
Rugi bersih			(4 268)

Nota	
(1)	Inventori Akhir = RM3 450 + RM5 830 + RM2 430 + RM1 740 = RM13 450
(2)	Komisen Diterima = RM1 700 + RM340 = RM2 040
(3)	Insurans = RM4 400 – RM600 = RM3 800
(4)	Alat Tulis = RM420 – RM80 = RM340
(5)	Hutang Lapuk = RM600 + RM570 = RM1 170
(6)	Sewa Premis = 70% × RM4 800 = RM3 360
(7)	Susut Nilai Perabot = RM8 500 × 20% = RM1 700
(8)	Susut Nilai Kenderaan = [(RM55 000 – RM5 500) × 10%] = RM4 950
(9)	Pertambahan Peruntukan Hutang Ragu = [(RM27 470 – RM570) × 2%] – RM350 = RM188

[14 markah]

(b)

Syukri Sedap Trading
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Julai 2024

	Kos	Susut Nilai Terkumpul	Nilai Buku
	RM	RM	RM
<u>Aset Bukan Semasa</u>			
Perabot	8 500	(3 400)	5 100
Kenderaan	55 000	(10 450)	44 550
			49 650
<u>Aset Semasa</u>			
Bank		31 710	
Tunai		1 000	
Inventori		13 450	
Insurans Prabayar		600	
Inventori Alat Tulis		80	
Komisen Belum Terima		340	
Akaun Belum Terima (1)	26 900		
(–) Peruntukan Hutang Ragu (2)	(538)		
		26 362	
		73 542	
<u>Tolak : Liabiliti Semasa</u>			
Akaun Belum Bayar	13 090		
Pinjaman (3)	7 200		
		(20 290)	
Modal Kerja			53 252
Nilai Aset Bersih			102 902
<u>Ekuiti Pemilik</u>			
Modal awal			84 050
(–) Rugi Bersih			(4 268)
			79 782
(–) Ambilan (4)			(2 680)
Modal Akhir			77 102
<u>Liabiliti Bukan Semasa</u>			
Pinjaman (5)			25 800
			102 902

Nota	
(1)	Akaun Belum Terima = RM27 470 – RM570 = RM26 900
(2)	Peruntukan Hutang Ragu = RM26 900 × 2% = RM538
(3)	Pinjaman (Liabiliti Semasa) = RM600 × RM12 = RM7 200
(4)	Ambilan = RM1 240 + (RM4 800 × 30%) = RM2 680
(5)	Pinjaman (Liabiliti Bukan Semasa) = RM33 000 – RM7 200 = RM25 800

[11 markah]

Soalan 3

Kedai Runcit Kassim Maju Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Oktober 2024

Butiran	Ogos	September	Oktober
	RM	RM	RM
Baki awal	43 160	87 630	110 275
Penerimaan			
Jualan	21 000	23 100	23 100
Akaun Belum Terima	20 000	21 000	23 100
Modal	–	2 500	–
Pinjaman	30 000	–	–
Komisen jualan	–	375	–
Jumlah penerimaan	71 000	46 975	46 200
Pembayaran			
Belian	18 900	18 900	18 900
Gaji	2 600	2 600	3 700
Perisian perakaunan	–	–	2 000
Insurans kebakaran	1 000	1 000	1 000
Kadar bayaran	550	550	550
Belanja am	480	480	480
Kenderaan	3 000	800	800
Ansuran pinjaman (1)	–	–	625
Jumlah pembayaran	26 530	24 330	28 055
Lebihan	44 470	22 645	18 145
Baki Akhir	87 630	110 275	128 420

Nota	
(1)	$\text{Ansuran pinjaman} = \frac{[\text{RM}30\,000 + (\text{RM}30\,000 \times 5\% \times 5 \text{ tahun})]}{60 \text{ bulan}}$ $= \text{RM}625$

[20 markah]

Soalan 4

(a)

Akaun Yuran Ahli

Tarikh	Butir	Amaun	Tarikh	Butir	Amaun
2024		RM	2024		RM
Jan 1	Yuran Belum Terima	150	Dis 31	Bank	8 700
Dis 31	Pendapatan dan Perbelanjaan	9 000		Yuran Belum Terima	750
	Yuran Belum Terperoleh	300			
		<u>9 450</u>			<u>9 450</u>

[4 markah]

(b)

Kelab Minecraft Education**Akaun Perdagangan Minuman bagi tahun berakhir 31 Disember 2024**

	RM	RM	RM
Jualan			19 000
(-) Kos Jualan			
Inventori awal		1 000	
Belian (1)		<u>12 000</u>	
Kos barang untuk dijual		13 000	
(-) Inventori akhir		<u>(650)</u>	
		12 350	
(+) Belanja Pengendalian : Upah pekerja		<u>1 200</u>	
Kos Jualan			<u>(13 550)</u>
Untung Minuman			<u>5 450</u>

Nota	
(1)	Belian = RM11 200 + RM2 300 – RM1 500 = RM12 000

[4 markah]

(c)

Kelab Minecraft Education**Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2024**

	RM	RM
<u>Pendapatan Hasil:</u>		
Yuran Ahli	9 000	
Untung Pertandingan MEC (1)	460	
Untung Minuman	<u>5 450</u>	
		14 910
<u>(-): Perbelanjaan Hasil:</u>		
Alat Tulis (2)	110	
Susut Nilai Kelengkapan Makmal (3)	882	
Utiliti	1 940	
Belanja Am	350	
Insurans	<u>500</u>	
		<u>(3 782)</u>
Lebihan		<u>11 128</u>

Nota	
(1)	Untung Pertandingan <i>MEC</i> = Yuran – Hadiah = RM1 350 – RM890 = RM460
(2)	Alat Tulis = RM100 + RM50 – RM40 = RM110
(3)	Susut Nilai Kelengkapan Makmal = (RM9 800 – RM980) × 10% = RM882

[7 markah]

(d)

Kelab Minecraft Education
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2024 (petikan)

Dana Terkumpul	RM	RM	RM
Dana terkumpul awal			107 070
(+) Lebihan			11 128
 (+) Derma khas (Kelengkapan makmal komputer)			 15 000
Dana terkumpul akhir			133 198

Nota	
(1)	Dana terkumpul awal = Aset Kelab Awal – Liabiliti Kelab Awal = RM108 570 – RM1 500 = RM107 070

[5 markah]


Soalan 5

(a) (i)

Pengeluaran (unit)	Jumlah hasil RM	Kos Berubah RM	Kos Tetap RM	Jumlah kos RM
0	0	0	5 000	5 000
1 000	3 000	1 000	5 000	6 000
2 000	6 000	2 000	5 000	7 000
3 000	9 000	3 000	5 000	8 000

[3 markah]

(a) (ii)



[7 markah]

(b) (1)

Akaun Peruntukan Hutang Ragu

Tarikh	Butir	Amaun	Tarikh	Butir	Amaun
2023		RM	2023		RM
Dis 31	Baki h/b	3 000	Dis 31	Hutang Ragu	3 000
		3 000			3 000
2024			2024		
Dis 31	Baki h/b	3 225	Jan 1	Baki b/b	3 000
				Pertambahan Peruntukan Hutang Ragu	225
		3 225			3 225
			2025		
			Jan 1	Baki b/b	3 225

[4 markah]

(b) (2)

Akaun Hutang Lapuk Terpilih

Tarikh	Butir	Amaun	Tarikh	Butir	Amaun
2024		RM	2024		RM
Dis 31	Untung Rugi	1 000	Dis 31	Bank	1 000
		1 000			1 000

[1 markah]

(b) (3)

Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 (petikan)

	RM		RM
Hutang Ragu	3 000		
Hutang Lapuk	300		

Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2024 (petikan)

	RM		RM
Pertambahan Peruntukan Hutang Ragu	225	Hutang Lapuk Terpilih	1 000
Hutang Lapuk	900		

[5 markah]

Soalan 6

(a) (i) **Bintang Berhad**
Modal diterbitkan dan berbayar penuh

6% Syer Keutamaan
100 000 unit × RM1.00 = RM100 000

5% Syer Keutamaan
300 000 unit × RM1.00 = RM300 000

Syer biasa
500 000 unit × RM0.50 = RM250 000

Modal diterbitkan dan berbayar penuh = **RM650 000**

[6 markah]

(a) (ii) **Jumlah Dividen Akhir**

6% Syer Keutamaan

$$\left(\text{RM1 000 000} \times 6\% \times \frac{12}{12} \right) + \left(\text{RM100 000} \times 6\% \times \frac{11}{12} \right) = \text{RM65 500}$$

5% Syer Keutamaan

$$\left(\text{RM2 500 000} \times 5\% \times \frac{12}{12} \right) + \left(\text{RM300 000} \times 5\% \times \frac{11}{12} \right) = \text{RM138 750}$$

Syer biasa

$$(\text{RM1 500 000} + \text{RM250 000}) \times 3\% = \text{RM52 500}$$

$$\text{Jumlah Dividen Akhir} = \text{RM256 750}$$

[6 markah]

(b) (1)

Kafe Ronnie Mee
Penyata Mengira Modal pada 30 Jun 2024

	RM	RM
Aset:		
Akaun Belum Terima	9 860	
Inventori	21 030	
Gaji prabayar	460	
Perabot (1)	17 800	
Kenderaan (2)	20 250	
		69 400
(-) : Liabiliti		
Akaun Belum Bayar	6 556	
Overdraf bank	358	
		(6 914)
Modal pada 30 Jun 2024		62 486

Nota	
(1)	Perabot = (RM12 400 + RM6 200) – (RM7 000 + RM6 200 – RM12 400) = RM17 800
(2)	Kenderaan = RM22 500 – (10% × RM22 500) = RM20 250

[4 markah]

(b) (2)

Kafe Ronnie Mee
Penyata Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2024

	RM	RM
Modal akhir		62 486
(+) Ambilan (1)		2 580
		65 066
(-) Modal Tambahan	6 200	
Modal Awal	41 190	
		(47 390)
Untung bersih		17 676

Nota	
(1)	Ambilan = (RM150 + RM280) × 6 = RM2 580

[4 markah]

Kertas 1**1 B**

Seseorang akauntan perlu memiliki ciri-ciri kepimpinan yang cemerlang baik dari segi sahsiah mahupun dari segi sikap kerja. Tiga ciri kepimpinan ialah Akauntabiliti, Integriti dan Kredibiliti. Kredibiliti bermaksud keupayaan akauntan untuk menyampaikan maklumat perakaunan secara adil dan objektif kepada semua pihak yang berkepentingan dalam perniagaan.

Pilihan lain tidak berkaitan.

2 A

Prinsip ini memastikan wujudnya konsistensi dalam prosedur perakaunan yang digunakan oleh entiti perniagaan dari satu tempoh perakaunan ke tempoh perakaunan yang lain. Prinsip ketekalan yang dipatuhi oleh Cik Emy Mastura menetapkan pengiraan peruntukan hutang ragu sebanyak 5% setiap tahun atas Akaun Belum Terima bersih.

Pilihan lain tidak berkaitan.

3 A

Ciri-ciri dalam pernyataan ialah minimum 50 – tiada had, keuntungan diagihkan dalam bentuk dividen dan liabiliti terhad setakat sumbangan modal yang disumbangkan merupakan ciri-ciri koperasi.

Pilihan lain tidak berkaitan.

4 C

Urus niaga penerimaan bayaran daripada Kedai Kain Jaafar RM2 300 dengan cek akan memberikan kesan pertambahan wang tunai dalam Bank berjumlah RM2 300.

Manakala urus niaga memberi diskaun sebanyak RM200 akan memberikan kesan pengurangan kepada Modal kerana diskaun diberi ialah belanja yang akan mengurangkan Untung Bersih.

Urus niaga penerimaan bayaran daripada Kedai Kain Jaafar secara langsung memberikan kesan kepada Akaun Belum Terima akan berkurang secara total iaitu $RM2\ 300 + RM200 = RM2\ 500$.

Pilihan lain tidak berkaitan.

5 D

'Serahan Angkutan Dibayar' dalam invois bermaksud kos pengangkutan barangan ditanggung oleh pembekal. Oleh itu, kos pengangkutan kek tersebut ditanggung oleh Kedai Bakeri Zuyyin sebagai pembekal dalam urus niaga tersebut.

Pilihan lain tidak berkaitan.

6 C

Aliran dokumen Nota Kredit (Asal) daripada Pembekal (Penjual) kepada Pelanggan (Pembeli) bagi urus niaga pulangan barang niaga kepada pembekal.

Pilihan lain tidak berkaitan.

7 C

Rumus bagi Persamaan Perakaunan ialah $Aset = Liabiliti + Ekuiti\ pemilik$.

Ekuiti Pemilik

= Aset – Liabiliti

= $RM360\ 000 + RM24\ 400 + RM45\ 000 - RM8\ 900$

= $RM420\ 500$

8 D

Urus niaga yang direkodkan dalam Jurnal Am ialah catatan pembukaan, belian dan jualan aset bukan semasa secara kredit, ambilan barang niaga dan aset bukan semasa, modal tambahan selain tunai dan bank dan catatan penutupan.

Pilihan lain tidak berkaitan.

9 C

Peralatan Penyaman Udara berjumlah RM245 adalah direkodkan sebagai derma ikhlas perniagaan kepada rumah Anak-anak Yatim Sultan Salahuddin Abdul Azizi Shah Al-Haj di Sungai Udang. Perniagaan telah membuat derma. Oleh itu, dicatat dalam Jurnal Am di bahagian debit kerana derma adalah belanja perniagaan.

Derma peralatan Penyaman Udara berjumlah RM245 akan mengurangkan belian, maka catatan dalam Jurnal Am ialah pada bahagian kredit.

Pilihan lain tidak berkaitan.

10 D

No. dokumen bermula dengan ND bermaksud Nota Debit. Yang mana tujuan Nota Debit direkodkan dalam Jurnal Belian adalah butiran tertinggal rekod dalam invois, pelanggan dikenakan caj tambahan kerana meminta menukar ganti barang, faedah dikenakan atas pelanggan kerana lewat menjelaskan invois, jumlah dalam invois berkurang nyata dan bayaran tambahan dikenakan kerana pelanggan tidak memulangkan bekas kosong.

Pilihan lain tidak berkaitan.

11 C

Sistem Panjar Runcit digunakan bagi menguruskan dana tunai runcit perniagaan. Pada setiap hujung bulan pula akan dihitung jumlah perbelanjaan yang telah dibayar. Jumlah wang yang perlu dituntut oleh juruwang ialah nilai wang yang telah dibelanjakan iaitu RM250 – RM70 (Baki tunai runcit) = RM180.

Pilihan lain tidak berkaitan.

12 A

Jenis lejar terbahagi kepada dua, iaitu Lejar Am dan Lejar Khas. Lejar Khas (Subsidiari) akan merekodkan semua urus niaga dengan Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar.

Pilihan lain tidak berkaitan.

13 C

Untuk merekod belian rak pameran dan meja juruwang secara kredit berjumlah RM4 200 daripada Kedai Perabot Hamid mengikut sistem catatan bergu, belian rak pameran dan meja juruwang ialah belian perabot perniagaan yang merupakan aset. Kesannya aset bertambah. Maka, Akaun Perabot didebitkan.

Pembelian adalah secara kredit iaitu hutang. Kesannya liabiliti bertambah. Maka, Akaun Kedai Perabot Hamid dikreditkan.

Pilihan lain tidak berkaitan.

14 D

Dalam Akaun Proton Sdn Bhd (Pembekal iaitu Liabiliti Perniagaan Yasmeeen), bahagian debit menunjukkan hutang pembekal berkurang dengan pembayaran cek berjumlah RM60 000.

Manakala, dalam Akaun Bank (Aset), bahagian kredit menunjukkan pembayaran cek berjumlah RM60 000 kepada Akaun Proton Sdn Bhd.

Pilihan lain tidak berkaitan.

15 D

Butiran dalam Akaun Kawalan Belum Bayar yang boleh diperoleh daripada Buku Tunai semestinya yang melibatkan pembayaran melalui tunai atau cek kepada pembekal dan juga penerimaan diskaun diterima.

Pilihan lain tidak berkaitan.

16 B

Imbangan Duga ialah senarai baki debit dan baki kredit yang diambil daripada akaun-akaun lejar pada satu tarikh tertentu. Belanja dan Aset akan direkodkan di bahagian debit Imbangan Duga dan manakala Liabiliti, Hasil dan Ekuiti Pemilik akan direkodkan di bahagian kredit Imbangan Duga. Hutang lapuk merupakan belanja kepada perniagaan dan Jentera merupakan aset kepada perniagaan.

Pilihan lain tidak berkaitan.

17 A

Inventori akhir akan dinilai mengikut nilai yang terendah antara harga kos dengan harga pasaran.

Kad inventori	Harga Pasaran	Harga Kos
	RM	RM
Kerepek pisang	7 000	6 500
Kerepek ubi	5 500	5 570
Kerepek nangka	2 110	2 220
Kerepek tempe	1 500	1 100

Inventori akhir pada 31 Ogos 2024 = 6 500 + 5 500 + 2 110 + 1 100 = RM15 210

18 B

Rumus mengira Peruntukan Hutang Ragu

= Akaun Belum Terima bersih × %

= (75 000 – 1 000) × 5%

= RM700

Perbezaan Peruntukan Hutang Ragu 1 Oktober 2023 (RM300) – Peruntukan Hutang Ragu 30 September 2024 (RM700)

= Pertambahan Peruntukan Hutang Ragu sebanyak RM400 yang merupakan belanja kepada perniagaan.

Pilihan lain tidak berkaitan.

19 B

Rumus mengira susut nilai mengikut kaedah ansuran tetap ialah

$$= \frac{\text{Kos} - \text{Nilai skrap}}{\text{Usia guna}}$$

Pilihan lain tidak berkaitan.

20 C

Rumus mengira susut nilai mengikut kaedah baki berkurangan ialah

= Nilai Buku × Kadar × Tempoh

Susut nilai kenderaan lama

$$= \text{RM}130\,000 \times 20\% \times \frac{12}{12}$$

$$= \text{RM}26\,000$$

Susut nilai kenderaan baharu

$$= \text{RM}60\,000 \times 20\% \times \frac{7}{12}$$

$$= \text{RM}7\,000$$

Jumlah susut nilai pada tahun kewangan berakhir pada 31 Julai 2024

= 26 000 + 7 000 = RM33 000

Pilihan lain tidak berkaitan.

21 A

Kesilapan prinsip ialah kesilapan merekodkan urus niaga dalam akaun yang salah di bawah pengelasan akaun yang berbeza. Sebagai contoh, aset direkodkan sebagai belanja, belanja direkodkan sebagai aset, hasil direkodkan sebagai liabiliti dan liabiliti direkodkan sebagai hasil.

Klasifikasi akaun bagi Komputer ialah Aset dan Belanja Membaiki Komputer ialah Akaun Belanja.

Pilihan lain tidak berkaitan.

22 D

Membayar pengiklanan RM2 000 dengan cek direkodkan dalam Buku Tunai di bahagian debit lajur tunai dan Akaun Pengiklanan di bahagian kredit.

Kesilapan ini ialah kesilapan terbalik atau songsang. Kesilapan ini ialah catatan yang terbalik atau songsang iaitu catatan debit direkodkan di bahagian kredit manakala catatan kredit direkodkan di bahagian debit. Cara pembetulan dibuat dengan menggandakan nilai amaun tersebut.

23 B

Rumus Tokokan atau Peratus Untung Kasar atas Kos Jualan

$$= \frac{\text{Untung Kasar}}{\text{Kos Jualan}} \times 100\%$$

Pilihan lain tidak berkaitan.

24 A

Kadar pusing ganti inventori Syarikat Yazid Megah Sdn Bhd bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2024 ialah 4 kali. Ini bermakna dalam suatu tempoh perakaunan (setahun @ 12 bulan) 4 kali inventori bertukar ganti dan sama maksud dengan bertukar ganti setiap 3 bulan sekali.

25 C

Sebab Rekod Perniagaan Tidak Lengkap ialah Catatan Urus Niaga yang tidak dibuat langsung, Tidak mengamalkan Sistem Catatan Bergu, Rekod-rekod perakaunan yang musnah atau hilang dan Dokumen sumber urus niaga tidak disimpan secara sistematik.

Pilihan lain tidak berkaitan.

26 A

Tan Chong Sdn Bhd
Penyata Mengira Untung atau rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2024

	RM	RM
Modal akhir		40 500
(+) Ambilan (150 × 12)		1 800
		42 300
(-) Modal awal	30 000	
Modal tambahan	3 000	
		(33 000)
Untung bersih		9 300

27 A

Penyata Penyesuaian Bank disediakan bagi tujuan untuk mengenal pasti butiran yang menyebabkan berlakunya perbezaan antara baki Akaun Bank di Buku Tunai dengan baki di Penyata Bank. Kedua, untuk mengenal pasti ketepatan catatan di Buku Tunai. Akhir sekali, untuk menyelaraskan baki Akaun Bank di Buku Tunai dengan baki di Penyata Bank.

Pilihan lain tidak berkaitan.

28 A

Buku Tunai (dikemas kini)

	RM		RM
Baki b/b	3 280	Caj bank	10
Dividen	1 000	Baki h/b	4 275
Hibah	5		
	<u>4 285</u>		<u>4 285</u>
Baki b/b	4 275		

29 C

Kurangan berlaku apabila jumlah pembayaran melebihi jumlah penerimaan dalam Belanjawan Tunai dan semestinya yang dijangkakan. Ini kerana, Belanjawan Tunai ialah anggaran penerimaan dan pembayaran tunai perniagaan bagi suatu tempoh tertentu.

Pilihan lain tidak tepat.

30 B

Kandungan Seksyen 26 Akta Perkongsian 1961 menyatakan Faedah 8% setahun dibayar atas pinjaman pekongsi.

Pilihan lain tidak tepat.

31 B

Bahagian kredit Akaun Semasa menunjukkan tuntutan pekongsi terhadap perkongsian yang mana Faedah atas Pinjaman Belum Bayar merupakan tuntutan Danisha terhadap Perkongsian Danisha Dalisha Sdn. Bhd.

Pilihan lain tidak tepat.

32 B

Akaun Realisasi berfungsi untuk menilai jumlah kerugian atas perkongsian.

Akaun Realisasi

	RM		RM
Aset	50 000	Bank	42 500
Belanja Realisasi	2 500	Modal Pekongsi	10 000
	<u>52 500</u>		<u>52 500</u>

Rugi Realisasi, butiran Modal Pekongsi dicatat di sebelah kredit Akaun Realisasi.

Pilihan lain tidak berkaitan.

33 C

Lembaga Pengarah mengisytiharkan pembayaran dividen akhir 6 sen sesyer

Rumus pengiraan dividen Syer Biasa

= Unit modal diterbitkan dan membayar penuh × nilai dividen sesyer

= 1 000 000 unit × RM0.06

= RM60 000

34 C

Perbelanjaan modal merupakan perbelanjaan ke atas pembelian atau membina Aset Bukan Semasa.

Persatuan Rekreasi Taman Permata telah menerima derma untuk membina bilik penyimpanan alatan.

Bilik penyimpanan alatan merupakan Aset Bukan Semasa persatuan. Maka, ianya menambahkan pendapatan modal.

35 A

Tujuan Penyediaan Akaun Penerimaan dan Pembayaran ialah merekodkan semua penerimaan dan pembayaran tunai kelab dan persatuan dalam suatu tempoh perakaunan.

Kelab Hoki Remaja			
Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir pada 30 September 2024			
	RM		RM
Baki b/b	18 000	Surat khabar dan majalah	1 300
Yuran ahli	8 420	Alat tulis	200
Komisen diterima	2 000		
Sewaan alatan sukan	1 400		
	29 820	Baki h/b	28 320
Baki b/b	28 320		29 820

36 C

Rumus mengira Dana Terkumpul ialah
= Aset – Liabiliti

Kelab Takraw Taman Merak Kayangan			
Penyata Mengira Dana Terkumpul pda 1 November 2024			
		RM	
<u>Aset</u>			
Alatan Sukan	12 500		
Bank	5 580		
Inventori Kafeteria	1 520		
Yuran Belum Terima	250		
		19 850	
<u>(-) Liabiliti</u>			
Yuran Belum Terperoleh	130		
Akaun Belum Bayar	1 370		
		(1 500)	
Dana terkumpul pada 1 November 2024		18 350	

37 B

Yuran masuk ialah yuran yang dibayar oleh setiap ahli baharu. Ianya dibayar semasa pendaftaran. Yuran masuk boleh dikategorikan sebagai pendapatan hasil atau pendapatan modal bergantung kepada dasar kelab dan persatuan berkenaan.

Pilihan lain tidak berkaitan.

38 A

Belanja Langsung ialah Belanja yang turut berubah apabila berlaku perubahan dalam unit pengeluaran. Misalnya belanja langsung ialah bayaran royalti, cap dagangan (paten) dan reka bentuk produk.


Pilihan lain tidak berkaitan.

39 B

Margin Caruman Seunit keluaran boleh dihitung dengan menggunakan rumus
= Harga jualan seunit – Kos Berubah Seunit.

40 D

Berikut adalah Graf Titik Pulang Modal.



Kertas 2

Bahagian A

Soalan 1

- (a) (i) Buku Tunai Runcit
(ii) Buku Tunai/Jurnal Penerimaan Tunai

[2 markah]

(b)

Urus niaga	Akaun didebitkan	Akaun dikreditkan
Jualan bekalan cili padi berjumlah RM2 000 secara kredit kepada Perniagaan Semua Ada Sdn Bhd.	Perniagaan Semua Ada Sdn Bhd	Jualan

[2 markah]

- (c) (i) Akaun Belum Terima
(ii) Modal

[2 markah]

- (d) Dua contoh item pembayaran dalam Belanjawan Tunai bagi perniagaan Penternakan Lembu Encik Dainil
1. Makanan Lembu
 2. Ubatan penyakit lembu
 3. Utiliti
 4. Gaji pekerja
 5. Sewa ladang

[2 markah]

(e)

Akaun Pelupusan Perabot

Tarikh	Butir	Amaun	Tarikh	Butir	Amaun
2024		RM	2023		RM
Jun 30	Perabot	10 500	Ogos 31	Susut nilai terkumpul Perabot	8 400
				Bank	2 000
				Rugi atas pelupusan perabot	100
		10 500			10 500

[2 markah]

Soalan 2

(1)

Perkongsian HM**Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2024**

	RM	RM	RM
Jualan			288 317
(-) Pulangan jualan			(120)
Jualan Bersih			288 197
(-) Kos Jualan			
Inventori awal		21 450	
Belian (1)	115 725		
(-) Pulangan belian	(550)		
Belian bersih	115 175		
(+) Insurans belian	1 584		
Kos belian		116 759	
Kos barang untuk dijual		138 209	
(-) Inventori akhir		(24 500)	
Kos Jualan			(113 709)
Untung kasar			174 488
(+) Hasil			
(-) Belanja			174 488
Kadar bayaran		17 000	
Insurans kebakaran premis		5 800	
Sewa premis		34 000	
Susut nilai kenderaan (2)		12 240	
Gaji Pekerja (3)		60 200	
Faedah atas pinjaman (4)		2 500	
Lain-lain belanja (5)		5 648	
			(1 37 388)
Untung bersih			37 100

Nota	
(1)	Belian = RM117 325 – RM1 600 = RM115 725
(2)	Susut nilai kenderaan = RM(90 000 – RM28 800) × 20% = RM12 240
(3)	Gaji Pekerja = RM75 000 + RM1 200 – RM16 000 = RM60 200
(4)	Faedah atas pinjaman = RM25 000 × 10% = RM2 500
(5)	Lain-lain belanja = RM6 289 – RM641 = RM5 648

[9 markah]

(2)

Perkongsian HM
Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2024

	RM	RM
Untung Bersih		37 100
<i>Tolak:</i>		
Faedah atas Modal (1)	3 900	
Gaji Pekongsi	16 000	
		(19 900)
<i>Tolak:</i>		17 200
Akaun Semasa Hadi $\left(17\,200 \times \frac{3}{5}\right)$	10 320	
Akaun Semasa Muhammad $\left(17\,200 \times \frac{2}{5}\right)$	6 880	
		(17 200)
		0

Nota	
(1)	Faedah atas Modal $= (RM44\,000 \times 5\% \times \frac{12}{12}) + (RM34\,000 \times 5\% \times \frac{12}{12})$ $= RM2\,200 + RM1\,700$ $= RM3\,900$

[4 markah]

(3)

Akaun Semasa Pekongsi (beruangan)

Tarikh	Butir	Hadi	Muhd	Tarikh	Butir	Hadi	Muhd
2023		RM	RM	2023		RM	RM
Jul 1	Baki b/b		764	Jul 1	Baki b/b	4 350	–
2024 Jun 30	Ambilan	16 400	6 000	2024 Jun 30	Faedah atas modal	2 200	1 700
					Pengasingan untung rugi	10 320	6 880
					Faedah pinjaman	2 500	
	Baki h/b	2 970	1 816				
		19 370	9 580				
				Jul 1	Baki b/b	2 970	1 816

[5 markah]

(4)

Perkongsian HM
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Jun 2024

	Kos	Susut Nilai Terkumpul	Nilai Buku
<u>Aset Bukan Semasa</u>	RM	RM	RM
Kenderaan	90 000	(41 040)	48 960
			48 960
<u>Aset Semasa</u>			
Inventori		24 500	
Akaun Belum Terima		59 841	
Lain-lain belanja prabayar		641	
		84 982	
<u>Tolak : Liabiliti Semasa</u>			
Akaun Belum Bayar	21 223		
Overdraf bank	3 733		
Gaji pekerja belum bayar	1 200		
Pinjaman	25 000		
		(51 156)	
Modal kerja			33 826
Nilai aset bersih			82 786
<u>Ekuiti Pemilik</u>			
Akaun Modal Hadi		44 000	
Akaun Modal Muhammad		34 000	
		78 000	
Akaun Semasa Hadi		2 970	
Akaun Semasa Muhammad		1 816	
		4 786	
			82 786

[7 markah]

Soalan 3

(a) (1)

Cik Azizah
Penyata Mengira Modal pada 31 Mac 2024

	RM	RM
<u>Aset:</u>		
Perabot (1)	12 870	
Akaun Belum Terima (2)	9 702	
Bank (3)	12 500	
Tunai	1 500	
Inventori	44 800	
		81 372
<u>(-) : Liabiliti</u>		
Akaun Belum Bayar		(420)
Modal pada 31 Mac 2024		80 952

Nota	
(1)	Perabot = RM14 300 – [(RM12 000 + RM2 300) × 10%] = RM12 870
(2)	Akaun Belum Terima = (RM10 200 – RM300) – [(RM10 200 – RM300) × 2%] = RM9 702
(3)	Bank = RM10 500 + RM2 000 = RM12 500

[7 markah]

(a) (2)

Cik Azizah
Penyata Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2024

	RM	RM
Modal akhir		80 952
(+) Ambilan (1)		1 440
		82 392
(–) Modal Tambahan (2)	4 300	
Modal Awal (3)	56 270	
		(60 570)
Untung bersih		21 822

Nota	
(1)	Ambilan = RM180 × RM8 = RM1 440
(2)	Modal Tambahan = RM2 300 + RM2 000 = RM4 300
(3)	Modal Awal = RM12 000 + RM8 800 + RM3 000 + RM32 560 + RM1 150 – RM900 – RM340 = RM56 270

[6 markah]

(b) (1)

Akaun Yuran Ahli

Tarikh	Butir	Amaun	Tarikh	Butir	Amaun
2023		RM	2023		RM
Apr 1	Yuran Belum Terima	700	Apr 1	Yuran Belum Terperoleh	880
2024			2024		
Mac 31	Pendapatan dan Perbelanjaan	26 630	Mac 31	Penerimaan dan Pembayaran (1)	28 800
	Yuran Belum Terperoleh	2 950		Yuran Lapuk (2)	250
				Yuran Belum Terima	350
		30 280			30 280

Nota	
(1)	Penerimaan dan Pembayaran = RM450 + RM25 400 + RM2 950 = RM28 800
(2)	Yuran Lapuk = RM700 – RM450 = RM250

[5 markah]

(b) (2)

Kelab Trex
Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2024

	RM	RM
<u>Pendapatan Hasil:</u>		
Yuran ahli	26 630	
Untung pertandingan (1)	1 570	
		28 200
<u>(-) : Perbelanjaan Hasil:</u>		
Yuran lapuk	250	
Susut nilai kenderaan (2)	6 500	
Alat tulis (3)	700	
Utiliti (4)	2 825	
Susut nilai alatan sukan (5)	2 120	
Baik pulih gelanggang	1 660	
Lain-lain belanja	1 200	
		(15 255)
Lebihan		12 945

Nota	
(1)	Untung pertandingan = RM2 650 – RM1 080 = RM1 570
(2)	Susut nilai kenderaan = RM65 000 × 10% = RM6 500
(3)	Alat tulis = RM780 + RM360 – RM440 = RM700
(4)	Utiliti = RM3 600 – RM775 = RM2 825
(5)	Susut nilai alatan sukan = RM3 800 + RM 2400 – RM 4080 = RM2 120

[7 markah]

Soalan 4

(a) (i) **Syarikat Ayyub Hazmi Berhad**
Modal diterbitkan dan membayar penuh

5% Syer Keutamaan
6 000 000 unit × RM2.00 = RM12 000 000

Syer biasa
4 000 000 unit × RM1.00 = RM4 000 000

Modal diterbitkan dan membayar penuh = **RM16 000 000**

[2 markah]

(a) (ii) **Dividen Interim**

5% Syer Keutamaan
 $6\,000\,000 \text{ unit} \times RM2.00 \times 5\% \times \frac{4}{12} = RM200\,000$

Syer biasa
 $4\,000\,000 \text{ unit} \times RM1.00 \times 4\% = RM160\,000$
Jumlah Dividen Interim = **RM360 000**

[4 markah]

(a) (iii) **Dividen Akhir**

5% Syer Keutamaan
 $6\,000\,000 \text{ unit} \times RM2.00 \times 5\% \times \frac{7}{12} = RM350\,000$

[2 markah]

(a) (iv) **Dividen Akhir**

Syer biasa

4 000 000 unit × RM1.00 × 6% = **RM240 000**

[2 markah]

(b) (i)

Akaun Permohonan Syer Biasa

Tarikh	Butir	Amaun	Tarikh	Butir	Amaun
2024 Jan 1	Modal Syer Biasa	RM 4 000 000	2024 Jan 30	Bank	RM 4 000 000

Akaun Modal Syer Biasa

Tarikh	Butir	Amaun	Tarikh	Butir	Amaun
2024		RM	2024 Jan 15	Permohonan Syer Biasa	RM 4 000 000

[3 markah]

(b) (ii)

Akaun Permohonan 5% Syer Keutamaan

Tarikh	Butir	Amaun	Tarikh	Butir	Amaun
2024 Jan 1	Modal 5% Syer Keutamaan	RM 12 000 000	2024 Jan 30	Bank	RM 12 000 000

Akaun Modal 5% Syer Keutamaan

Tarikh	Butir	Amaun	Tarikh	Butir	Amaun
2024		RM	2024 Jan 15	Permohonan 5% Syer Keutamaan	RM 12 000 000

[3 markah]

(b) (iii)

Akaun Bank

Tarikh	Butir	Amaun	Tarikh	Butir	Amaun
2024 Jan 30	Permohonan Syer Biasa Permohonan 5% Syer Keutamaan	RM 4 000 000 12 000 000			RM

[2 markah]

(c) **Syarikat Ayyub Hazmi Berhad**

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2024 (petikan)

Modal diterbitkan dan berbayar penuh

6 000 000 unit 5% Syer Keutamaan

4 000 000 unit Syer Biasa

RM

12 000 000

4 000 000

16 000 000

[2 markah]

Soalan 5

(a) (i)

Kad Inventori 1: Baju Sukan

Bil	Tarikh 2024	Dokumen	Masuk			Keluar			Baki		
			Kuantiti	Harga (RM)	Amaun (RM)	Kuantiti	Harga (RM)	Amaun (RM)	Kuantiti	Harga (RM)	Amaun (RM)
1	Feb 2	Invois	430	20	8 600				430	20	8 600
2	6	Bil tunai	200	20	4 000				630	20	12 600
3	10	Memo				5	20	100	625	20	12 500
4	15	Invois				200	20	4 000	425	20	8 500
5	18	Bil Tunai				100	20	2 000	325	20	6 500

[5 markah]

Kad Inventori 1: Baju Korporat

Bil	Tarikh 2024	Dokumen	Masuk			Keluar			Baki		
			Kuantiti	Harga (RM)	Amaun (RM)	Kuantiti	Harga (RM)	Amaun (RM)	Kuantiti	Harga (RM)	Amaun (RM)
1	Feb 1	Invois	360	55	19 800				360	55	19 800
2	10	Memo				2	55	110	358	55	19 690
3	15	Invois				160	55	8 800	198	55	10 890
4	22	Nota Kredit	15	55	825				213	55	11 715

[4 markah]

(a) (ii) Jumlah Inventori Akhir = RM6 500 + RM11 715 = RM18 215

[1 markah]

(b)

Jadual Persamaan

No	Lengkapan	Kenderaan	Bank	Akaun Belum Terima	Inventori	Akaun Belum Bayar	Modal	Ambilan	Untung Bersih
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
	5 000	27 000	20 000				52 000		
i					3 400	3 400			
ii				2 500	(2 100)				400
iii					(800)			800	
iv			(3 128)			(3 400)			272
v			2 000	(2 000)					
vi			3 000				3 000		
vii			1 050						1 050
	5 000	27 000	22 922	500	500	—	55 000	800	1 722

[10 markah]

Soalan 6

(a)

Kilang Zuhayr Lekor
Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2024

	RM	RM
<u>Kos Bahan Langsung</u>		
Inventori awal bahan langsung		34 100
Belian bahan langsung	65 000	
(-) Pulangan belian	(3 600)	
	61 400	
(+) Angkutan masuk bahan langsung (1)	1 000	
Duti belian bahan langsung	2 800	
		65 200
		99 300
(-) Inventori akhir bahan langsung		(25 700)
Kos bahan langsung digunakan		73 600
 <u>Kos Buruh Langsung</u>		
Gaji operator kilang (2)		26 800
 <u>Belanja Langsung</u>		
Paten		1 500
Kos Prima		101 900

Nota	
(1)	Angkutan masuk bahan langsung = RM1 380 – RM380 = RM1 000
(2)	Gaji operator kilang = RM28 000 – RM1 200 = RM26 800

[5 markah]

(b) (i)

(1) Kos Tetap

$$\begin{aligned}
 &= \text{Sewa kilang} + \text{Susut nilai mesin pengadun} + \text{Kos overhed kilang} \\
 &= \text{RM}48\,000 + (\text{RM}20\,000 \times 20\%) + \text{RM}8\,000 \\
 &= \text{RM}48\,000 + \text{RM}4\,000 + \text{RM}8\,000 \\
 &= \mathbf{\text{RM}60\,000}
 \end{aligned}$$

[1 markah]

(2) Kos Berubah Seunit

$$\begin{aligned}
 &= \frac{\text{Jumlah Kos Berubah}}{\text{Unit Pengeluaran}} \\
 &= \frac{\text{RM}90\,000}{60\,000 \text{ unit}} \\
 &= \mathbf{\text{RM}1.50}
 \end{aligned}$$


[1 markah]

(3) Titik Pulang Modal (dalam unit)

$$\begin{aligned}
 &= \frac{\text{Kos Tetap}}{\text{Margin Caruman Seunit}} \\
 &= \frac{\text{RM}60\,000}{(\text{RM}4.00 - \text{RM}1.50)} \\
 &= \mathbf{24\,000 \text{ unit}}
 \end{aligned}$$

[2 markah]

(b) (ii)



[11 markah]